


**Jilid II
Bil. 61**



**Hari Rabu
10hb Disember, 1980**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7423]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu [Ruangan 7456]

Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan) [Ruangan 7493]

Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir [Ruangan 7503]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' HUSSEIN ONN,
D.K. (Johor) (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.
(Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N.
(Segamat).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN
MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,
P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SHARIFF AHMAD
D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J.,
D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN,
D.P.M.P. (Lumut).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M.
(Taiping).

” Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T.
(Kuala Trengganu).

” Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- ” Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI ZAKARIAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- " Tuan ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- " TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- " TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- " TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- " TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- " TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- " DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS. D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- " TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- " DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- " TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- " TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- " TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- " TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- " TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- " TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- " TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- " TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- " DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- " DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- " TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- " TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- " TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- " TUAN V. DAVID (Damansara).
- " TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- " DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- " DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- " TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- " DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- " DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- " TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- " TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- " TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- " DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- " TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- " DATO' HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- " TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- " TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Ratau Panjang).
- " TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- " TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- " TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- " TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- " TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- " TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN MARK KODING (Kota Kinabalu).
- " DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE KAW (Kluang).

- " TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- " DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- " TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- " TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- " TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- " TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- " TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- " TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- " DATO' NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- " TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- " TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- " TUAN P. PATTO (Menglembu).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- " DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- " DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- " TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- " PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- " TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- " TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- " TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- " DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- " TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- " TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- " TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- " TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- " WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- " WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- " TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- " DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- " TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- " PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " DATO' HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- " TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 10hb Disember, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

CUTI Y.B. TUAN CHIAN HENG KAI DAN Y.B. TUAN PATRICK ANEK UREN—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberi kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Per-kara 52, Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Batu Gajah selama satu tahun daripada 12hb Disember, 1980 hingga 11hb Disember, 1981.

Demikian juga kebenaran yang serupa saya benarkan kepada Yang Berhormat Tuan Patrick Anek Uren iaitu Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading bagi masa satu tahun juga daripada 1hb Januari, 1981 hingga 31hb Disember, 1981.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Parit.

IDENTITI BAHASA DI MALAYSIA

1. Tuan Mohd Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementeriannya sedar bahawa identiti bahasa di Negara ini belum selaras dengan negara jiran seperti Thailand dan Korea, kerana banyak terdapat rakyat Malaysia dari keturunan lain yang enggan mematuhi segala peraturan di Malaysia. Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan dan adakah Kerajaan akan mengadakan kuasa-kuasa di negara kita Malaysia seperti di negara jiran.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu faham apa yang dimaksudkan oleh soalan Ahli Yang Berhormat itu apabila beliau menyebut tentang rakyat Malaysia dari keturunan lain yang enggan mematuhi segala peraturan di Malaysia. Jika maksud Ahli Yang Berhormat itu ialah orang-orang bukan Melayu yang enggan menggunakan Bahasa Kebangsaan, perlulah saya jelaskan bahawa walaupun Perlembagaan menetapkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan iaitu bahasa untuk kegunaan rasmi, Perlembagaan juga menyatakan bahawa seseorang itu boleh menggunakan mana-mana bahasa lain kecuali untuk maksud-maksud rasmi.

Di bidang penggunaan Bahasa Kebangsaan bagi maksud rasmi kedudukannya adalah memuaskan dan Kerajaan tidak memikirkan perlu mengambil apa-apa langkah yang lebih dari apa yang sedang diusahakan sekarang. Dengan adanya rancangan menggunakan Bahasa Kebangsaan sepenuhnya sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan di institusi pengajian tinggi Kerajaan yakin bahawa pada suatu masa nanti rakyat Malaysia pada keseluruhannya akan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa mereka sendiri.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut perkara 152 Perlembagaan dan mengikut Akta Bahasa Kebangsaan, 1967 dan ditambah lagi dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa bahasa-bahasa lain dibenarkan kecuali dalam urusan rasmi.

Soalan saya, apakah setakat hari ini dapat dikesan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri sama ada masih lagi bahasa selain daripada Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia digunakan untuk faedah rasmi dalam bertukar surat-menyurat daripada pihak-pihak lain sama ada orang perseorangan ataupun pihak-pihak lain kepada Jabatan-jabatan Kerajaan, sama ada dapat dikesan atau tidak pada hari ini; jikalau ada, apakah tindakan pihak Kerajaan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dalam semua urusan rasmi cuma Bahasa Kebangsaan digunakan dan sekiranya ada surat-surat yang dihantar dalam bahasa selain dari Bahasa Kebangsaan maka surat itu dipulangkan balik.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana jawapan beliau bahawa beliau berpuas hati dengan pelaksanaan dan penggunaan Bahasa Malaysia sekarang. Saya ingin bertanya apakah penggunaan Bahasa Malaysia di iklan-iklan perniagaan itu merupakan penggunaan rasmi ataupun tidak dan apakah beliau berpuas hati dengan penggunaan Bahasa Malaysia di iklan-iklan dan juga di papan-papan tanda perniagaan di seluruh negara kita sekarang ini.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut yang ada dan undang-undang yang ada sekarang bahasa selain daripada Bahasa Kebangsaan masih boleh digunakan di papan-papan iklan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa surat-surat daripada orang perseorangan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan akan dipulangkan kembali jika sekiranya ditulis selain daripada Bahasa Malaysia atau Bahasa Kebangsaan.

Saya ingin bertanya adakah beliau sedar terutamanya bahawa setengah-setengah Jabatan Kerajaan masih menggunakan bahasa lain iaitu bahasa Inggeris, umpamanya, dalam Jabatan Polis dan bagaimana pula kalau sekiranya Jabatan Kerajaan yang menghantar surat kepada orang perseorangan dalam bahasa Inggeris, bagaimana pula tindakan Kerajaan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar perkara ini berlaku.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai takrif perkataan lain-lain bahasa boleh digunakan dalam urusan bukan rasmi. Saya ingin bertanya sama ada maksud ayat itu maknanya boleh digunakan secara berasingan atau bersekali seperti yang kita tengok hari ini ada papan-papan tanda atau kain rentang menggunakan hanya satu bahasa lain daripada Bahasa Malaysia dan apakah itu dibolehkan menurut takrif yang disebutkan dalam Perlembagaan?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya menerangkan tadi bahasa lain masih boleh digunakan di papan-papan tanda.

Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan, pada masa ini dalam urusan rasmi pun masih terdapat lagi penggunaan bahasa Inggeris seperti dalam surat-surat insuran dan sebagainya. Jadi adakah Yang Berhormat Menteri hendak mengarahkan supaya surat-surat seperti insuran kalau boleh diadakan dalam Bahasa Malaysia atau kedua-dua sekali. Apa yang terdapat sekarang ada bahasa Inggeris sahaja, tak ada Bahasa Malaysia.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, surat-surat atau dokumen insuran adalah surat yang bukan rasmi kerana kebanyakan dan boleh dikatakan semua insurance company yang ada sekarang ialah kepunyaan swasta. Oleh sebab itu, mereka masih boleh menggunakan bahasa Inggeris.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju bahawa sebagaimana yang tercatat dalam Perlembagaan bahawa bahasa-bahasa lain boleh digunakan dalam negara ini, tetapi saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri bila beliau mengatakan bahasa-bahasa lain boleh digunakan, adakah penggunaan bahasa-bahasa lain itu setaraf dengan Bahasa Kebangsaan. Kedua, apakah usaha-usaha supaya Bahasa Kebangsaan itu ada keutamaan dari segi penggunaan di seluruh negara dan dari segi saiznya yang menggambarkan benar-benar Bahasa Kebangsaan itu lebih besar dari bahasa lain?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memanglah oleh kerana Perlembagaan menyatakan Bahasa Kebangsaan Bahasa Rasmi, maka tarafnya adalah lebih tinggi daripada bahasa-bahasa lain. Jawapan kepada soalan kedua, tidak ada ditetapkan tentang saiz perkataan Bahasa Kebangsaan itu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahasa asing boleh digunakan dalam papan tanda, begitu juga Perlembagaan membenarkan orang ramai menggunakan berbagai papan tanda yang bujur, panjang, lebar dan sebagainya, tetapi sebagaimana beliau tahu berbagai arahan pentadbiran (administrative instruction) dikeluarkan untuk mengawal pengukuran papan tanda dan sebagainya untuk berbagai maksud. Oleh itu, adakah Yang Berhormat Menteri sedar dengan tujuan mewujudkan identiti kebangsaan sekurang-kurangnya dari segi mata asing maka arahan pentadbiran juga boleh dikeluarkan dari segi penggunaan Bahasa Malaysia di papan-papan tanda.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, lesen biasanya dikeluarkan untuk papan iklan oleh Local Authorities seperti Majlis Bandaran ataupun Municipality dan terpulanglah kepada mereka sama ada hendak mengeluarkan surat-surat secara pentadbiran seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada mengatakan bahawa Bahasa Malaysia lebih tinggi tarafnya, daripada lain-lain bahasa, saya ingin

bertanya sama ada beliau sedar bahawa banyak papan tanda telah dipaparkan di merata-rata bandar di Malaysia ini tidak mencerminkan Bahasa Malaysia itu suatu bahasa yang lebih tinggi daripada lain-lain bahasa. Kalau sedar, apakah tindakan undang-undang yang akan dijalankan terhadap orang-orang yang sengaja meletakkan Bahasa Malaysia di taraf yang lebih rendah.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang ada sekarang tidaklah ada satu undang-undang yang boleh melarang mereka daripada berbuat demikian seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pencemaran bahasa yang telah berlaku walaupun kita sudah 23 tahun merdeka, apakah tindakan Kerajaan setakat ini terhadap pencemaran Bahasa Malaysia di papan-papan tanda yang tidak mengikut istilah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ada satu Jawatankuasa yang mengkaji berkenaan dengan pencemaran bahasa itu dan kajian masih lagi dibuat, apabila kita mendapat laporan itu dapatlah kita bertindak dalam soal itu.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya usaha mendaulatkan Bahasa Malaysia ini tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya padahal kalau kita perhatikan Kementerian Pelajaran telah pun melaksanakan dengan sepenuhnya dan Parlimen ini telah menggunakan sepenuhnya sejak beberapa tahun dahulu. Jadi maksud saya ialah tadi Timbalan Menteri mengatakan papan tanda dan sebagainya belum diadakan satu undang-undang tetapi ada satu Jawatankuasa yang sedang menimbangkannya. Saya ingin bertanya kepada beliau adakah Kerajaan akan mengadakan satu undang-undang dengan segera supaya dapat mengawal papan tanda dan sebagainya yang dapat mendaulatkan Bahasa Malaysia sepertimana diperjuangkan dahulu?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan kepada notis untuk menjawab soalan ini.

KEMPEN ANTI MEROKOK

2. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Kesihatan menyatakan sambutan orang ramai dari kempen anti merokok yang dilancarkan baru-baru ini, dan sama ada arahan selanjutnya telah dikeluarkan kepada sekolah-sekolah, pejabat-pejabat dan pawagam dan pihak-pihak berkuasa awam, supaya tidak merokok sekurang-kurangnya untuk tempoh yang tertentu dan sama ada satu peraturan telah dirangka dan dilaksanakan kiranya berlaku sebarang pelanggaran peraturan ini dan sebutkan secara kasar perangkaan jualan rokok sebelum dan selepas kempen ini dilancarkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, selari dengan tema Pertubuhan Kesihatan Sedunia "Pilihan anda: Merokok atau Kesihatan", Kementerian Kesihatan telah meningkatkan kempen tentang merokok dan kesihatan dengan tujuan memberi kesedaran tentang bahaya-bahaya merokok kepada kesihatan individu dan negara pada keseluruhannya. Kempen berserta pamiran di peringkat negeri telah mula diadakan di negeri-negeri Pantai Timur, Trengganu, Kelantan dan Pahang dan kemudiannya di negeri-negeri Pantai Barat termasuk juga Sarawak dan Sabah. Sambutannya sungguh menggalakkan, misalnya, lebih 4,000 orang datang menyaksikan pamiran di Negeri Trengganu, walau bagaimanapun adalah terlalu awal bagi kita menentukan kejayaan atau sebaliknya.

Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan arahan kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri dan hospital untuk mengadakan kawasan larangan merokok seperti di wad-wad dan klinik-klinik, Jabatan-jabatan Kerajaan lain dan institusi persendirian memang ada notis-notis melarang merokok umpamanya di lif-lif dan di tempat-tempat tertentu, di sekolah-sekolah pula memang ditegaskan merokok. Pada masa ini merokok adalah dilarang di pawagam-pawagam dan denda sehingga \$500 boleh dikenakan kepada mereka yang melanggar larangan ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan berpendapat adalah lebih baik diberi kefahaman dan kesedaran berkenaan hak individu dan tanggungjawab kepada diri sendiri dan orang lain melalui pelajaran kesihatan daripada mengenakan kuatkuasa undang-undang.

Kementerian tidak menyimpan perangkaan berkenaan dengan jualan rokok sebelum dan selepas pelancaran kempen anti merokok itu. Kementerian mendapati ianya bukan petunjuk yang agak baik bagi menentukan kejayaan atau kegagalan kempen tersebut, kerana perubahan sikap dan tabiat terutamanya tabiat ketagihan seperti merokok memerlukan masa, dan penjualan biasa rokok akan terus berjalan buat sementara waktu.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tanya sama ada Kerajaan sedar bahawa semasa rakyat tidak menggalakkan supaya merokok dan iklan-iklan yang ditayangkan di mass media Kerajaan itu telah menjadi satu penggalakan bagi orang ramai untuk merokok. Jadi adakah Kementerian ini bercadang supaya mengesyorkan kepada Kementerian Penerangan supaya iklan-iklan itu tidak ditayangkan dalam mass media Kerajaan itu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, masalah tayangan iklan ini di TV dan radio telah beberapa kali ditimbulkan dalam Dewan ini dan saya telah memberi jawapan yang agak panjang lebar pada satu masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat tayangan ataupun advertisements mengenai cigarette pada masa ini hanya menentukan brands satu-satu cigarette sahaja, dan ianya tidak dikaitkan dengan kejayaan dan kemajuan serta glamour. Setakat ini tidak ada cadangan bagi pihak kita hendak melarang perkara ini diiklankan di TV.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah hendak diselaraskan di antara Kementerian Kesihatan yang tidak mahu rakyat merokok dengan Lembaga Tembakau Negara (LTN) yang bekerja sungguh-sungguh supaya rakyat menambahkan tanaman tembakau, bolehkah pihak Kementerian Kesihatan memberi arahan kepada Lembaga Tembakau Negara supaya mengurangkan kempen untuk menanam tembakau.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tugas Kementerian Kesihatan adalah menentukan supaya kesihatan rakyat di negara ini dapat terjamin dan setakat ini kita sentiasa berusaha menasihati tentang bahaya-bahaya rokok.

Tentang masalah penyelarasan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita mesti ambil tentang akibat atas tindakan-tindakan itu, kerana masalah pelarangan umpamanya penanaman tembakau ini ada mempunyai implikasi ekonomi dan sosial, terutama sekali di negeri yang mana Yang Berhormat sendiri datang iaitu dari Kelantan. Saya telah difahamkan bahawa daripada segi ekonomi, pengeluaran atau hasil daripada tanaman tembakau berjumlah kurang lebih \$95 juta setahun yang telah dapat memberi pendapatan kepada penanam tembakau. Begitu juga ianya memberi pekerjaan kepada lebih kurang 150,000 orang. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, saya rasa dalam satu masa dahulu telah menimbulkan ataupun menyuarakan kesan-kesannya baik dan buruknya tentang penanaman tembakau ini. Selain daripada itu ianya juga memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, perlu kita menyedari hakikatnya atau kebenarannya bahawa tabiat merokok ini merupakan satu tabiat yang telah lama wujud dan diterima oleh masyarakat di dunia ini bukan sahaja di Malaysia bahkan di negara-negara lain juga sebagai satu cara hidup, walaupun kita menyedari memang ada bahayanya merokok ini, tetapi usaha kita hendak mengubah tabiat dan sikap ini hendaklah mengambil masa yang panjang dan ianya memerlukan kerjasama dan penglibatan yang aktif daripada semua pihak.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut kata Yang Berhormat Timbalan Menteri bahaya rokok ini amat besar dan apa yang ditanya oleh wakil dari Pengkalan Chepa tidakkah rancangan Kerajaan menahankan kempen menanam tembakau yang dibuat oleh LTN. Pertanyaan saya adakah penghisap rokok yang menjadi bahaya menghisap rokok yang dibuat di Malaysia ini, iaitu tembakau yang ditanam oleh LTN ataupun rokok yang diimport luar daripada Malaysia.

Kedua, sekiranya LTN memberhentikan tanaman tembakau, adakah perokok-perokok di Malaysia tidak boleh menghisap rokok.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Bahaya ini terlibat kepada semua rokok tidak kira dari mana dia datang tidak kira, sama ada dari Malaysia atau dari negara lain.

Saya minta soalan yang nombor dua itu diulang semula.

Tuan Shaari bin Jusoh: Sekiranya LTN membatalkan rancangannya tidak menanam tembakau di Malaysia, adakah dengan itu tidak ada rokok dijual di Malaysia.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, rancangan mencegah penanaman tembakau tidak akan menyekat penjualan rokok. Cadangan ini mungkin ianya mengakibatkan satu kesan ekonomi yang lebih berat lagi kepada kita, oleh kerana seperti mana kata saya tadi tabiat merokok itu yang perlu kita kikis, kita hapuskan. Kalau kita tidak membuat rokok di negeri kita sendiri, tidak menanam tembakau, tetapi tabiat merokok itu masih lagi ada dan orang masih lagi merokok, jadi kita terpaksa import rokok, import tembakau dan lain-lain lagi dan ini akan merugikan kita daripada segi ekonomi terutama sekali dari segi foreign exchange dan lain-lain peluang pekerjaan.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penerangan yang diberi oleh Timbalan Menteri Kesihatan tadi nampaknya tindakan bagi pihak Kerajaan mengadakan kempen, belanja begitu banyak tiap-tiap tahun bagi menahan orang daripada menghisap rokok, tetapi beliau ada mengatakan juga belum pernah disemak dengan pengeluar-pengeluar rokok seperti MTC, Rothmans, J.H Reynolds, Kretek dan sebagainya, sama ada sebanyak mana mereka menjual rokok dan bukannya lebih baik bagi Kerajaan di samping kita berkempen, kita semak sama ada jualan rokok itu meningkat naik, kalau betul meningkat naik, tidak guna kita kempen, suruh mereka hisap rokok sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cara ini seperti soalan merajuk sahaja (*Ketawa*).

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sebenarnya saya tidak dapat mengetahui sama ada consumption cigarette ini meningkat, tetapi apa yang saya boleh sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, memang ada tindakan-tindakan yang tegas, tindakan-tindakan yang positif diambil oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama perindustrian tembakau untuk mencari satu jalan yang lebih positif bagi mengurangkan penggunaan rokok ini.

Umpamanya beberapa bulan dahulu memang ada perjumpaan di antara Yang Berhormat Menteri dan saya sendiri serta pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan dan juga wakil-wakil daripada industri tembakau ini supaya mengadakan perjumpaan/mesyuarat untuk mencari satu titik pertemuan dan hasil daripada perjumpaan itu mereka telah bersetuju menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan negeri kita untuk membuat satu Code of Ethics. Selain daripada itu memang ada mesyuarat secara rasmi atau tidak rasmi beberapa kali di antara Kementerian kita dengan industri-industri atau wakil-wakil daripada industri tembakau ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ramai sangat Ahli Yang Berhormat hendak bertanya nampaknya dan kebanyakan yang bertanya semua Ahli Yang Berhormat yang merokok! (*Ketawa*) Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya tidak merokok.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata kebanyakannya (*Ketawa*).

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa pihak Kementerian Kesihatan pun telah mengeluarkan arahan kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri dan begitu jugalah bercadang untuk berhubung dengan Jabatan-jabatan Kerajaan lain untuk mengadakan kawasan larangan merokok. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada di Kementerian Kesihatan itu sendiri arahan telah dikeluarkan untuk mengadakan kawasan larangan merokok?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Kesihatan mengenai sama ada pihak Kementerian mempunyai kawalan tertentu terhadap bahan-bahan yang terdapat di dalam tembakau kerana mengikut kajian didapati bahawa kadar nicotine dalam rokok yang dikeluarkan di Malaysia adalah melebihi kadar

pengeluaran-pengeluaran dari negara-negara lain, misalnya di Eropah, kerana di sini tidak ada kawalan tentang bahan-bahan tersebut.

Yang kedua, selain daripada kempen yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan, adakah tindakan-tindakan dan langkah-langkah lain yang lebih positif yang dijalankan oleh Kementerian bagi mengurangkan penggunaan rokok?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tentang kawalan itu kita tidak mempunyai alat-alat ataupun kemudahan-kemudahan untuk menentukan "nicotine Content" dan "the standard of delivery of the concentrate" tetapi saya difahamkan Kementerian Kesihatan telah menghantar beberapa sample cigarette kepada Jabatan Chemistry untuk dianalisa dan didapati memang ada kandungan nicotine dan "tar content" begitu tinggi dalam cigarette yang dijual di pasaran tempatan. Memandangkan bahawa nicotine dan tar content itu yang merupakan bahan yang bahaya, adalah dicadangkan supaya Kementerian Kesihatan memberi arahan kepada industri cigarette supaya dari tahun ke setahun dan dari masa ke semasa mengurangkan kandungan nicotine dan concentrate ataupun essence dalam cigarette ini. Dengan cara begini kita rasa adalah lebih berkesan lagi kerana kalau kita berbuat dengan secepat mungkin, dan sekali gus mungkin kesannya tidak begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri peluang yang akhir kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan sudah atau bercadang menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi Kempen Anti Merokok? Kalau sudah, siapakah pengerusinya?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini telah menubuhkan Jawatankuasa Kempen Anti Merokok di peringkat Kebangsaan dan di peringkat Negeri. Bagi peringkat Negeri umpamanya pengerusinya ialah biasanya Setiausaha Kerajaan satu-satu negeri dan ini telah dilaksanakan sudah beberapa bulan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas kerana beliau jarang bertanya.

Tuan Racha Umong: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya ialah apakah bahaya hisap dadah dengan menghisap rokok? Kalau sama, kenapa tidak melarang sama sekali seperti menghisap dadah?

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak perlu dijawab, di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (n).

CARUMAN KEPADA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (EPF)

3. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan permohonan EPF untuk pengeluaran bagi enam bulan yang lalu, jumlah pengeluaran yang diluluskan dan baki Kumpulanwang di EPF dan juga menyatakan bilangan syarikat yang diperluluskan oleh EPF supaya ahli EPF boleh mengeluarkan sebahagian dari caruman untuk membayar pendahuluan rumah-rumah yang berharga murah dan nombor rumah-rumah yang dibina untuk maksud begini oleh syarikat-syarikat yang diperluluskan ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh enam bulan yang lalu iaitu dalam tempoh masa bulan April hingga September, 1980, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah menerima 23,011 permohonan untuk pengeluaran caruman-caruman. Dari jumlah ini, sebanyak 22,909 permohonan telah diluluskan. Berkenaan dengan baki kumpulanwang di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada 30hb September, 1980 baki simpanan tersebut ialah \$7,438 juta.

Berkenaan dengan syarikat-syarikat yang diluluskan oleh KWSP untuk mendapat pinjaman perumahan istimewa bagi Skim Perumahan Murah Kerajaan, cuma Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB) sahaja yang diluluskan untuk maksud ini. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan bahawa Syarikat Perumahan Malaysia Berhad tidak membina rumah-rumah di di bawah Skim Perumahan Murah Kerajaan, tetapi peranan syarikat tersebut ialah hanya untuk meluluskan skim-skim yang dikemukakan oleh pemaju perumahan serta mengurus

pinjaman-pinjaman kepada pembeli-pembeli termasuk pencarum-pencarum KWSP, yang telah berjaya mendapat rumah di dalam skim-skim perumahan murah yang diluluskan.

Berkenaan dengan pembelian rumah-rumah murah, dalam tempoh masa April hingga September, 1980, sejumlah 2,315 permohonan telah diterima dari pencarum-pencarum KWSP untuk tujuan membeli rumah murah. Sebanyak 2,231 permohonan telah diluluskan untuk membeli rumah-rumah murah di dalam 73 skim-skim Perumahan Murah yang diluluskan oleh Syarikat Perumahan Malaysia Berhad.

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu selain daripada membenarkan pencarum-pencarum KWSP ini mendapat caruman mereka untuk membayar sebagai pendahuluan bagi rumah-rumah yang dibina dalam skim-skim satu syarikat ini, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membenarkan pencarum-pencarum menarik balik separuh daripada caruman-caruman mereka untuk maksud membina rumah di atas tanah sendiri ataupun di atas tanah yang dibeli oleh mereka?.

Dato' Mak Hin Kam: Saya minta Yang Berhormat ulang soalan pertama.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa MBSB ialah syarikat yang dibenarkan untuk membina rumah di mana pencarum-pencarum KWSP dibenarkan untuk mendapat caruman mereka bagi membeli rumah-rumah dalam skim-skim MBSB. Saya ingin dapat tahu sama ada Kerajaan ada bercadang untuk membenarkan pencarum-pencarum mengeluarkan sebahagian atau separuh daripada caruman mereka dari KWSP ini untuk maksud membina rumah atas tanah mereka sendiri ataupun gunakan wang ini untuk membeli tanah dan membina rumah di atasnya.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pencarum-pencarum KWSP boleh juga dapat pinjaman-pinjaman dari MBSB jika mereka layak. Jawapan kepada soalan yang kedua ialah Kerajaan tidak bercadang atas apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka mengenai jumlah caruman yang sehingga sekarang ada diuruskan oleh KWSP untuk membolehkan ahli-ahli EPF membeli rumah?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau angka sudah ada boleh jawablah; kalau tidak barangkali hendakkan notis.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, tidak dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang sekali lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka-angka mengenai jumlah caruman yang telah diluluskan oleh KWSP untuk membolehkannya Ahli-ahli KWSP membeli rumah.

Dato' Mak Hon Kam: Saya minta notis.

Tuan Lee Lam Thye: Berkenaan dengan perkara pengeluaran caruman KWSP ini, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar tentang satu masalah berkaitan dengan penurunan nilai wang simpanan KWSP sejak beberapa tahun ini akibat inflasi atau faktor-faktor yang lain. Jika beliau sedar tentang masalah ini iaitu berkenaan dengan penurunan nilai wang simpanan, sama ada pihak yang berkuasa bercadang untuk membuat kajian menyeluruh dan menaksir nilai simpanan pencaruman tatkala caruman mula dibuat dan tatkala dikeluarkan.

Dato' Mak Hon Kam: Soalan ini panjang sedikit, kalau boleh disimplifykan.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan soalan itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi saya ada bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar tentang masalah penurunan nilai (depreciation of value) tentang caruman KWSP, dan jika beliau sedar, adakah pihak yang berkuasa bercadang untuk membuat satu kajian menyeluruh tentang perkara ini?

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah dalam kajian Kerajaan.

TANAH PERTANIAN KEPUNYAAN MELAYU

4. Tuan Awang bin Jabar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah bidang tanah pertanian kepunyaan Melayu serta keluasannya sekali yang dapat dikesan terdapat setakat ini dan dari jumlah ini berapa pula dapat ditebus kembali melalui usaha-usaha Bank Pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah dijawab iaitu soalan No. 9 yang ditanya oleh Yang Berhormat dari kawasan Labuk Sugut pada 9hb Disember, 1980 dan saya tidak ada apa-apa tambahan.

HARGA KAYU BALAK

5. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab utama kejatuhan harga balak di negara ini, apakah langkah yang telah diambil bagi menyelamatkan pengusaha-pengusaha dan pengilang-pengilang balak dan nyatakan juga walaupun dalam masa kejatuhan harga balak akan tetapi mengapakah harga kayu gergaji untuk kegunaan dalam negara masih juga tinggi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, sebab utama kejatuhan harga kayu balak di negara ini adalah kerana kekurangan permintaan kayu gergaji dan papan lapis daripada negara-negara pengguna seperti negara-negara EEC, Amerika Syarikat dan Timur Tengah yang mengalami keadaan kemerosotan ekonomi (economic recession) pada masa ini. Akibat daripada keadaan kemerosotan tersebut industri perumahan di negara-negara tersebut mengalami keadaan yang lembab.

Oleh kerana harga kayu balak di negara ini adalah ditentukan oleh keadaan kedudukan ekonomi dunia maka tindakan yang boleh diambil pihak Kerajaan dalam jangka pendek bagi meninggikan harga kayu balak di negara ini amatlah terhad. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa berusaha mencari pasaran-pasaran baru bagi hasil kayu-kayan kita bagi menggantikan pasaran-pasaran yang telah menurun akibat dari kemerosotan yang dialami sekarang ini.

Mengenai masalah harga kayu gergaji seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa biasanya harga kayu gergaji di pasaran tempatan (local market) adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan harga kayu gergaji di pasaran antarabangsa. Ini adalah kerana pihak pengilang-pengilang dapat mengimbangkan kekurangan pendapatan yang diperolehi daripada pasaran tempatan dengan keuntungan yang diperolehi dari harga yang lebih tinggi di pasaran antarabangsa. Akan tetapi di dalam keadaan harga pasaran antarabangsa yang kurang memuaskan sekarang ini pihak pengilang-pengilang tidak dapat menurunkan harga kayu gergaji dengan lebih rendah di pasaran tempatan jika mereka mahu meneruskan perusahaannya. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian saya sentiasa mengawasi keadaan ini.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut berkenaan dengan kayu gergaji yang dapat dipasarkan dengan harga perbezaan di luar negeri tetapi pada masa ini didapati kayu gergaji juga tidak cukup bekalan dalam negeri ini kerana mereka hendak membuat rumah dan sebagainya susah untuk mendapat bekalan ini di kilang-kilang. Ini menunjukkan seolah-olah telah lebih banyak dihantar ke luar negeri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihak Kerajaan bercadang supaya pengeluaran ke luar negeri itu dikurangkan dan ditambah pengeluaran untuk dalam negeri supaya dapat mencukupi keluaran kayu gergaji ini untuk negara.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, menurut pandangan dari pihak Kementerian saya bekalan kayu gergaji di pasaran tempatan sekarang ini adalah memuaskan malah Kementerian saya belum lagi mengambil tindakan untuk menentukan supaya kayu bergergaji untuk kegunaan tempatan akan ditambah. Mungkin soalan Yang Berhormat ini bertujuan juga untuk bertanya sama ada pihak Kementerian akan menentukan kuota bagi pemasaran kayu-kayuan bergergaji ini ke pasaran antarabangsa, tetapi setakat ini pihak Kementerian saya belum lagi ada cadangan mengambil tindakan seperti itu.

BIRO SIASATAN NEGARA— KEJAYAAN

6. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan Biro Siasatan Negara (BSN) membasmi perbuatan rasuah di negara ini. Berapa ramaikah telah disiasat atau ditangkap setakat ini dan dalam tahun ini berapa orangkah telah disiasat atau ditangkap dan apakah mereka itu dari pegawai-pegawai Kerajaan atau ahli-ahli kenamaan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kejayaan yang utama sekali telah dicapai oleh Biro Siasatan Negara semenjak ianya ditubuhkan oleh Kerajaan di dalam tahun 1973 ialah menentukan kadar rasuah di negeri ini sentiasa terkawal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha BSN dalam menjalankan tugas-tugas pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan terhadap mereka yang terlibat dalam kegiatan rasuah di negara ini telah memberi kesan yang besar kepada rakyat di atas objektif Kerajaan menubuhkan BSN. Peranan Biro ini dipandang dari segi pencegahan dan pembasmian rasuah dalam negara tidak boleh diukur melalui bilangan kes-kes rasuah yang telah dibawa ke mahkamah dan dari bilangan orang-orang yang telah ditangkap sahaja tetapi hendaklah diperincikan dari beberapa aspek yang lain seperti membangkitkan kesedaran di kalangan rakyat atas keburukan akibat-akibat perbuatan rasuah dan kepercayaan rakyat di atas wujudnya satu badan penyiasat yang bebas di dalam negara yang dapat menjalankan penyiasatan terhadap sesiapa tanpa mengira pangkat dan kedudukan seseorang di dalam masyarakat. Dalam menjalankan tanggungjawab ini BSN telah dapat memenuhi kewajipannya dengan kemampuan yang ada padanya sekarang dengan cukup efektif.

Semenjak 1hb Julai, 1973 hingga 31hb Oktober, 1980 Biro ini telah menjalankan 2,348 siasatan dan melakukan 1,089 tangkapan. Manakala dalam tahun 1980 pula dari 1hb Januari hingga 31hb Oktober sebanyak 317 siasatan telah dijalankan dan menghasilkan 94 tangkapan. Dari 94 orang ini terdapat 60 orang pegawai-pegawai Kerajaan dan bakinya 34 orang ialah orang awam.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan mengenai perkara ini. Selama ini perhatian kita terlalu banyak ditumpukan kepada korupsi yang berlaku di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dan Jabatan-jabatan Kerajaan sedangkan perbutan rasuah ini sebenarnya lebih meluas di kalangan swasta seperti di dalam bank-bank dan juga di dalam syarikat-syarikat yang membina rumah.

Soalan saya sama ada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan bermaksud untuk mengarahkan BSN supaya mengalihkan juga perhatiannya kepada perbuatan-perbuatan curang yang berlaku di dalam sektor swasta seperti yang saya sebutkan tadi.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarangpun memanglah tumpuan dan perhatian jua diberikan untuk mencegah berlakunya perkara-perkara rasuah di pihak-pihak swasta seperti perumahan, banking atau lain-lain seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa usaha-usaha pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan oleh pihak BSN telah membawa kesan yang besar terhadap rakyat di negara ini.

Soalan saya apakah Timbalan Menteri dapat memberitahu Dewan ini apakah bentuk kesan-kesan tersebut misalnya dari segi angka-angka sama ada angka-angka telah menurun sejak BSN ditubuhkan melalui Akta Pencegah Rasuah 1961 sehingga sekarang.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai kejadian-kejadian ataupun kes-kes maka sukalah saya menyatakan angka itu bertambah dari setahun kesetahun dan sebabnya bertambah ialah oleh kerana pergerakan ataupun aktiviti BSN makin meluas dari semasa ke semasa dengan adanya lebih banyak kakitangan dan lain-lain kelengkapan di BSN.

MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN

7. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mengadakan musabqah membaca Al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa di tiap-tiap negeri di Malaysia mengikut giliran untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan menyaksikan dengan lebih dekat lagi memandangkan sambutan yang dingin daripada mereka yang tinggal di sekitar ibu negara Kuala Lumpur.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang tepat menyatakan penduduk sekitar Kuala Lumpur memberi sambutan yang dingin terhadap musabqah membaca Al-Quran. Sebenarnya ramai umat Islam di ibu negara ini dan sekitarnya datang ke Stadium Merdeka untuk mendengar bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh peserta-peserta di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kedudukan sebenarnya ialah berhubung dengan jumlah pengunjung-pengunjung musabqah yang semakin berkurangan selepas pukul 10.00 malam tiap-tiap kali pertandingan itu dijalankan.

Oleh kerana musabqah dijalankan hingga pukul 12.00 malam orang ramai yang tidak mempunyai kenderaan sendiri atau tidak mendapat perkhidmatan bas percuma terpaksa meninggalkan stadium kerana mengejar bas atau lain-lain kenderaan untuk balik ke tempat masing-masing. Di samping itu TV Malaysia ada menyiarkan siaran terus menerus dan mereka yang berkenaan boleh menyaksikan seterusnya melalui TV apabila mereka balik kemudiannya.

Mengenai perkara hendak mengadakan musabqah membaca Al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di negeri-negeri memang sudah beberapa tahun difikirkan. Ini bukanlah perkara yang baru tetapi oleh kerana banyak masalah yang dihadapi terutama berhubung dengan masalah pengangkutan, kemudahan-kemudahan penginapan dan lain-lain keperluan maka belumlah dapat diputuskan lagi untuk mengadakannya di tiap-tiap negeri seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu buat masa ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan tambahan. Sebagaimana dijawab oleh Timbalan Menteri tadi salah satu sebab kemerosotan khasnya

pukul 10.00 malam ke atas disebabkan kenderaan tidak ada ke tempat-tempat yang hendak dinaikkan oleh orang yang mendengar pertandingan membaca Al-Quran di dalam stadium. Dengan itu tidakkah ada rancangan Kerajaan atau Jawatankuasa Pertandingan ini mengikhtiar supaya bas-bas dapat berjalan sampai larut malam khususnya di dalam kawasan sekitar berdekatan dengan Kuala Lumpur macam mana kita buat kemudahan separuh harga kepada orang yang datang daripada utara dan sebagainya.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah akan diambil seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

ORANG TUA DI RUMAH KEBAJIKAN— BAYARAN SAGUHATI

8. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Kebajikan Am menyatakan adakah Kementerian bercadang menambahkan kadar bayaran kepada orang-orang tua yang tinggal di rumah-rumah kebajikan di negara ini; dan adakah beliau sedar bahawa ada terdapat kelewatan di dalam pembayaran saguhati itu yang menyebabkan timbulnya rungutan di kalangan mereka, sekiranya sedar apakah langkah membaiki akan diambil.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi jawapan yang lebih jelas sukaiah saya menyatakan bahawa ada dua pihak yang mentadbir dan menyelenggarakan masalah orang-orang tua yang tinggal di Rumah-rumah Kebajikan di negara ini. Ada Rumah-rumah Orang Tua yang ditadbirkan oleh Kementerian Kebajikan Am dan ada pula yang diselenggarakan oleh pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela. Oleh yang demikian terdapatlah sedikit perbezaan di dalam pengurusan dan layanan yang diberi kepada orang-orang tua ini.

Orang-orang tua yang ditempatkan di rumah-rumah yang ditadbir oleh Kementerian Kebajikan Am diberi tempat tinggal, makan minum, pakaian, kemudahan-kemudahan riadhah pelajaran ugama bimbingan

serta jagaan rawatan perubatan dan lain-lain keistimewaan. Boleh dikatakan semua keperluan hidup mereka ditanggung oleh Kerajaan dan mereka tidaklah diberi saguhati. Jadi soal untuk menambahkan kadar bayaran saguhati kepada orang-orang tua yang tinggal di rumah-rumah kebajikan yang ditadbirkan oleh Kementerian Kebajikan Am tidaklah timbul.

Namun demikian, sukaiah saya menjelaskan di sini bahawa hanya pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela sahaja yang memberi wang saguhati kepada orang-orang tua yang tinggal di rumah-rumah kebajikan yang diselenggarakan oleh pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela itu. Di sini jelaslah soal bagi menambahkan kadar bayaran kepada orang-orang tua yang tinggal di rumah-rumah kebajikan sukarela adalah sepenuhnya bergantung kepada kemampuan kewangan pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela itu.

Saya sedar kadangkala ada pertubuhan-pertubuhan sukarela itu yang agak lambat membayar saguhati kepada penghuni-penghuni, mungkin kerana masalah-masalah kewangan yang tidak mencukupi. Bagi membaiki keadaan ini peruntukan kewangan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela perlu ditambah seimbangan dengan pertambahan kemasukan orang-orang tua ke rumah-rumah kebajikan, dan ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan sekiranya masyarakat pula dan pihak-pihak yang berkaitan dapat menambahkan sumber-sumber kewangan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa kadar bantuan am yang dibayar oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada orang-orang tua yang bukan tinggal di dalam Rumah Orang Tua adalah amat kecil dan rendah. Jika beliau sedar sama ada pihak Kementerian berkenaan bercadang untuk mengkaji semula tentang kadar yang akan dibayar kepada orang tua itu.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar pada dahulunya kadar ini \$30.00 sekarang sudahpun dinaikkan \$50.00

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri iaitu dengan bantuan wang yang diberi sekarang ini sebenarnya orang-orang tua dan juga orang cacat ini tidak cukup untuk membeli makanan dalam masa sebulan. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menukarkan ataupun untuk memberi bantuan makanan yang mustahak seperti beras, tepung gandum dan sebagainya kepada orang-orang tua dan juga orang cacat ini dengan cukup dalam masa sebulan kepada mereka itu.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, rancangan seperti itu belum ada tetapi kalau difikirkan rancangan ini baik dan menasabah kita akan kaji.

KEGELINCIRAN KERETAPI

9. Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa sejak akhir-akhir ini sering berlaku kegelinciran keretapi yang mengakibatkan kerugian berjuta-juta ringgit jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar bahawa kegelinciran keretapi semakin meningkat dari setahun ke setahun seperti telah dinyatakan dalam jawapan saya pada 3hb November, 1980 dalam Dewan ini. Sehingga bulan September, 1980 jumlah kegelinciran ialah 138. Dari jumlah 138 kegelinciran yang berlaku pada tahun ini, 20 kegelinciran berlaku disebabkan kelalaian-kelalaian kakitangan. Tindakan disiplin akan diambil ke atas kakitangan-kakitangan tersebut dan ini akan mengakibatkan sebahagian dari kakitangan itu diturunkan pangkat dan sebahagian besar pula dikenakan penangguhan atau tahanan gaji.

Selain daripada itu 59 kejadian kegelinciran adalah disebabkan kecacatan gerabak dan landasan. Tindakan-tindakan juga telah dan sedang diambil bagi memperbaiki gerabak-gerabak dan landasan-landasan serta menggantikan gerabak-gerabak lama dengan yang

baru, di mana landasan yang mengakibatkan kegelinciran tindakan untuk membaiki landasan ini sedang dan akan terus diselenggarakan.

Sejumlah 39 kes kegelinciran yang berlaku pada tahun ini masih dalam siasatan dan tindakan sewajarnya akan diambil apabila penyiasatan itu selesai. Walau bagaimanapun, Keretapi Tanah Melayu sentiasa mementingkan keselamatan harta dan jiwa dalam operasi hariannya dan di mana diketahui kerosakan landasan berlaku tindakan yang sewajarnya seperti mengurangkan had laju tren-tren dilaksanakan.

PEKERJAAN DI KELANTAN—PELUANG

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan berapa banyak peluang-peluang pekerjaan di Kelantan yang telah diwujudkan dan diisi oleh belia-belia dan rakyat Kelantan seluruhnya. Nyatakan apakah tindakan segera Kerajaan bagi menyelesaikan masalah 60,000 rakyat Kelantan yang sedang bekerja di Singapura.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, peluang-peluang pekerjaan yang telah dilaporkan di Pejabat Pekerjaan di Kelantan dalam tahun 1979 ialah 1,072. Kesemuanya jawatan ini telah diisikan dalam tahun itu juga. Bagi tahun ini sehingga bulan September sebanyak 918 pekerjaan telah dilaporkan dan 903 darinya telah diisi. Bagi menjawab soalan bahagian kedua itu setakat ini Kementerian saya tidak ada menerima apa-apa laporan atau pengaduan mengenai masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja kita di Singapura. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka membuat aduan sewajarnya Kementerian saya bersedia mengambil langkah perlu bagi membantu mereka yang berkenaan.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa penghijrahan rakyat Kelantan ke Singapura untuk mencari pekerjaan ini adalah hasil daripada kelemahan Kerajaan Kelantan di bawah pimpinan PAS yang tidak menjalankan dasar-dasar pembangunan di negeri itu dan dasar-dasar mereka yang lemah itu hari ini telah

dapat dirasakan oleh rakyat Kelantan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa selepas Kerajaan PAS di Kelantan jatuh maka baharulah FELDA, FELCRA, KESE-DAR dibuka di Kelantan dan apabila rancangan Lebuhraya Timur Barat siap dan dibuka nanti pada tahun hadapan maka lebih banyak peluang-peluang pekerjaan akan dapat diadakan di negeri Kelantan. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian bercadang menempatkan lebih ramai lagi pegawai-pegawai Pejabat Buruh untuk mendaftarkan belila-belia kita di negeri Kelantan ini untuk memasukkan mereka ini ke tempat-tempat pekerjaan yang telah diwujudkan oleh Kerajaan.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan saya telahpun katakan dalam jawapan di atas soalan-soalan di Dewan yang mulia ini. Kementerian saya sedang berusaha untuk menambahkan lagi pegawai-pegawai perkhidmatan bekerja di Kelantan.

LEMBU DARI INDONESIA— MENGIMPORT

11. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerianya akan menggalakkan Kerajaan Negeri Sarawak mengimport lembu-lembu dari Indonesia kerana harga lembu-lembu dari Indonesia adalah murah.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sarawak bebas mengimport lembu dari mana-mana negara tetapi import ini tertaklukkan kepada peraturan-peraturan kesihatan haiwan negeri dan Station Korantina Negeri. Kerajaan Sarawak tidak mengimport lembu-lembu dari Indonesia memandangkan bahawa bekalan lembu-lembu baka baik di negara tersebut adalah terhad dan tidak semesti harganya lebih murah daripada negara-negara pengeluar yang lain. Kerajaan juga berhati-hati dalam mengimport lembu dari negara-negara yang pernah mengalami penyakit kuku dan mulut sebagai langkah berjaga-jaga supaya penyakit tersebut tidak merebak ke negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 22 adalah diberi di bawah ini)

TENAGA MINYAK

12. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau bercadang menggunakan lebih banyak lagi tenaga yang didapati punca bukan daripada minyak, memandangkan harga minyak kian mahal kini. Jika ya, nyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan setakat ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya memberitahu bahawa dengan melambung naiknya harga minyak serta keadaan pengeluarannya tidak setabil akhir-akhir ini, Kerajaan telah memutuskan supaya penggantungan negara kita ke atas bahan-bahan petroliam terutama dalam penjanaan kuasa elektrik itu dikurangkan. Buat masa sekarang lebih kurang 95% daripada sumber-sumber tenaga yang digunakan di negara kita adalah daripada bahan-bahan petroliam dan dalam penjanaan kuasa elektrik pula, bahan-bahan petroliam merupakan 85% dan selebihnya adalah daripada sumber hidro. Bagi mencapai matlamat pengurangan penggunaan ke atas bahan-bahan petroliam, Kerajaan sedang melaksanakan beberapa projek janakuasa yang akan menggunakan kuasa hidro dan gas asli. Projek-projek hidro ini adalah di Kenyir, Bersia, Kenering dan Tenom-Pangi, manakala stesyen janakuasa yang akan menggunakan gas asli pula, buat permulaannya, didirikan di Paka, Trengganu. Di samping itu untuk masa hadapan beberapa punca hidro yang lain sudah dicamkan dan kajian sedang dibuat secara mendalam. Juga pelaksanaan dan kajian projek-projek mini hidro diperhebatkan. Di samping itu Kerajaan juga bercadang untuk mengkaji kemungkinan mengguna arang batu yang diimport.

KAPAL TENGGELAM DI PANTAI CHENDERING

13. Puan Yong Fatimah binti Mohd Razali minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan bagaimana Kerajaan bercadang hendak mengendalikan harta yang tenggelam bersama kapal pembawanya di Pantai Chendering dan sejauh mana kejayaan telah dicapai dalam mengendalikan harta itu serta berapa nilai harta itu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato Mokhtar bin Haji Hashim): Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Wakil Rakyat dari kawasan Kuala Kangsar itu berhubung dengan pengendalian (penggalian) harta dan kapal yang tenggelam di Pantai Chendering ialah tanggungjawab pihak Muzium Negeri Trengganu. Jabatan Muzium Negara di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memberi kerjasama dan nasihat dalam perkara ini.

Walau bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa kapal ini telahpun dijumpai dan kerja-kerja penelitian isi kandungan kapal ini dan penggambaran dasar laut di tempat yang berkenaan akan dijalankan iaitu selepas mendapatkan alat-alat kelengkapan yang penting seperti kamera dan sebagainya.

LORI SAYUR

14. Puan Shariffah Dorah binti Mohamed minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lori-lori yang membawa lebih muatan ikan, sayur dan buah-buahan yang ditahan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pengangkutan Jalan selama beberapa hari telah menyebabkan ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan ini busuk dan tuan punyanya kerugian besar dan jika ya, sama ada saman boleh dikeluarkan selepas lori itu ditimbang dan denda dikenakan pada hari perbicaraan.

Dr Goh Cheng Teik: Mengikut pengetahuan saya tiada laporan diterima berkaitan dengan kes-kes di mana lori yang membawa berlebihan ikan, sayur dan buah-buahan telah ditahan oleh Pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan selama beberapa hari sehinggalah barang-barang tersebut telah rosak atau busuk yang menyebabkan tuan punyanya mengalami kerugian besar. Saya telah memberi

arahan kepada pegawai-pegawai saya supaya tidak mengambil masa yang lama dalam menyelesaikan kes-kes tersebut.

Amalan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah menguruskan kes lori-lori yang telah ditahan kerana membawa muatan berlebihan seberapa cepat yang mungkin, khususnya barang-barang yang mudah rosak atau busuk (perishable goods).

Lori-lori yang didapati membawa muatan berlebihan tidak ditahan selepas ianya ditimbang. Tindakan saman atau kompaun terhadap lori-lori tersebut adalah diambil kemudiannya.

Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat ada kes-kes tertentu, sila kemukakan butir-butir tersebut kepada Kementerian saya supaya siasatan dan tindakan boleh diambil terhadap sesiapa yang berkenaan.

SISTEM PELAJARAN TINGGI

15. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan kenyataan bahawa sebahagian besar pelajar-pelajar kita terpaksa pergi ke luar negeri untuk mendapatkan pelajaran tertiary tinggi, bolehkah Menteri berkenaan menimbangakan kajian semula seluruh sistem pelajaran tinggi (tertiary) dan peruntukan tempat-tempat di Universiti supaya rasa tidak puashati rakyat dapat dihapuskan dengan segera.

Menteri Pelajaran (Dato Musa bin Hitam): Buat masa ini Kerajaan berpendapat bahawa sistem pelajaran tinggi yang sedang dilaksanakan adalah berjalan dengan baik dan tidak perlu dikaji semula. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sedar bahawa tempat-tempat pengajian tinggi di negara ini adalah terhad dan dengan tujuan menambahkan tempat-tempat ini, skop dan kemampuan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan akan diperluaskan sehingga tiap-tiap Universiti mencapai enrolmen antara 8,000-10,000 pelajar. Di bawah RME, pertambahan tempat di peringkat universiti adalah dijangka kira-kira 10,000 manakala di peringkat kolej pula lebih 12,000 tempat baru akan disediakan jika semua rancangan dapat dilaksanakan dengan licinnya.

Sungguhpun begitu, tempat-tempat pelajaran tinggi di luar negeri masih dikehendaki kerana negara kita tidak dapat menampung semua permohonan memasuki universiti di mana-mana negara yang sedang membangun.

GURU-GURU SEMENTARA

16. Tuan Hiew Nyuk Ying minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pemberhentian perkhidmatan guru-guru yang tidak terlatih telah dengan teruknya menimpa Sekolah Rendah Cina di Sabah kerana ramai guru-guru itu tidak terlatih kerana tiadanya Kolej Latihan Cina di Sabah.

Dato' Musa bin Hitam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat langkah pemberhentian guru-guru sementara adalah merupakan satu amalan biasa pentadbiran kerana guru-guru sementara dilantik untuk bertugas selama tempoh setahun sahaja atas dasar dari sebulan ke sebulan. Walau bagaimanapun, guru-guru yang tamat tempoh bolehlah memohon untuk bertugas semula. Biasanya jika di sekolah itu masih wujud kekosongan dalam jawatan guru, guru-guru sementara yang pernah bertugas ini akan diberi keutamaan jika pihak sekolah memperakukan kecekapan dan kebolehan. Sejumlah 148 orang guru sementara di Sabah telah tamat tempoh perkhidmatannya di akhir tahun 1979. Mereka ini telah diberhentikan dan apabila menjelang tahun 1980 didapati masih terdapat kekosongan maka 117 orang di antara mereka yang memohon untuk bertugas semula telah diambil bertugas sebagai guru sementara. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat pada masa ini tidak berlaku sebarang kekosongan atau kekurangan guru di sekolah rendah Cina di Sabah.

Kementerian Pelajaran berpendapat kurangnya guru terlatih untuk bertugas di Sekolah Cina bukanlah disebabkan oleh tiadanya kolej latihan di Sabah. Sebaliknya Kementerian mendapati agak sukar untuk mendapatkan calon-calon yang sesuai dan layak untuk mengikuti Kursus Pendidikan Peringkat Awal Kanak-kanak Cina. Umpamanya pada tahun 1979 20 orang calon yang diberi tawaran tetapi hanya 17 orang sahaja yang telah menerimanya. Kesemua calon yang menerima ini datangnya dari Semenanjung Malaysia.

Pada tahun 1980, 20 orang calon juga telah ditawarkan dan pada kali ini hanya 6 orang sahaja telah menerima tawaran tersebut. 5 orang calon adalah dari Semenanjung dan hanya seorang sahaja dari Sabah. Keadaan ini berlaku pada tiap-tiap tahun oleh kerana Sabah tidak mempunyai calon yang layak dari segi akademik seperti yang disyaratkan. Oleh kerana kemudahan latihan dalam Kursus Pendidikan Peringkat Awal Kanak-kanak (Bahasa Cina) adalah mencukupi di Maktab Perguruan Sandakan maka soal ketiadaan Kolej Latihan Cina di Sabah tidak timbul.

BAHASA DAN KEBUDAYAAN CINA/ TAMIL—PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN

17. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menegaskan dan berikrar semua peruntukan-peruntukan perlembagaan berkait dengan bahasa dan kebudayaan masyarakat Cina dan Tamil di Malaysia tidak akan terancam akibat "Political Expediency" dan memastikan pengujudan sebuah negara Malaysia yang bersatu-padu dengan menghormati warisan tradisi, nilai-nilai kebudayaan dan bahasa berbagai kaum.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Kerajaan sentiasa menjunjung tinggi semua peruntukan-peruntukan yang ada dalam Perlembagaan termasuklah yang ada berhubung dengan bahasa dan kebudayaan. Ini merupakan satu ikrar Kerajaan. Di samping itu ikrar dan prinsip-prinsip Rukunegara mendukung cita-cita mewujudkan sebuah masyarakat yang liberal di mana anggotanya bebas mengamalkan agama, adat-resam dan kebudayaan masing-masing sesuai dengan kepentingan perpaduan negara.

BILAL DI MASJID NEGARA

18. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada seorang Bilal di Masjid Negara yang cara Azannya pada hari Jumaat dilakukannya amat tidak menyenangkan pendengar kerana ia tidak mematuhi syarat-syarat yang dikehendaki. Jika ya, apakah beliau bercadang hendak mengganti dengan seorang yang baik Azannya dan tukarkan ia kepada jawatan lain.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Pengambilan Bilal di Masjid Negara adalah melalui proses biasa pengambilan kakitangan Kerajaan. Bacaan azannya telah diuji—baik dan betul. Walau bagaimanapun, mungkin dalam menjalankan tugasnya terdapat kesilapan dan Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri telah mengambil tindakan yang sewajarnya.

PERKHIDMATAN PANGGILAN RADIO DI SEKOLAH-SEKOLAH

19. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada terdapat kemungkinan membebankan Perkhidmatan Panggilan Radio di kawasan terpencil di Sarawak terutamanya di sekolah-sekolah.

Dato' Leo Moggie anak Irok: Kementerian saya dan Jabatan Telekom sedang membuat satu penyelidikan dan tinjauan bagi kemungkinan menggunakan sistem telefon automatik yang menggunakan Radio (Automatic Telephone Using Radio) ke kawasan pedalaman di seluruh negara. Sekiranya hasil penyelidikan tersebut memuaskan, kawasan-kawasan pedalaman yang sukar dihubungi dengan perkhidmatan telefon yang menggunakan kebel akan dapat dihubungi dengan sistem tersebut. Dalam Rancangan Penggunaan Sistem Negeri Otomatik yang menggunakan Radio, Negeri Sarawak juga tidak terkecuali dan Kementerian saya akan terus berusaha memberi kemudahan perhubungan telefon kepada kawasan-kawasan pedalaman yang sesuai di negeri itu.

DOKTOR-DOKTOR DI HOSPITAL DAERAH

20. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar banyak hospital-hospital daerah berfungsi dengan hanya 40-50% doktor-doktor sahaja yang jelas adalah kurang daripada keperluan hospital-hospital tersebut; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan doktor-doktor ini dengan matlamat membolehkan hospital-hospital yang terdapat di negara ini berfungsi dengan sepenuhnya; dan

(b) Bilangan doktor-doktor dan pakar-pakar yang telah meletak jawatan atau sudahpun menghantar surat perletakan jawatan mereka pada tahun ini dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menggantikan mereka.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Yang Berhormat, purata pengisian pegawai-pegawai perubatan di kebanyakan hospital-hospital ialah lebih dari 50% dari pada jawatan-jawatan yang diperuntukkan. Keadaan kekurangan ini adalah disebabkan di antara lain ramai pegawai-pegawai perubatan telah meletakkan jawatan pada tahun-tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, hospital-hospital ini dapat menjalankan tugas-tugasnya atau berfungsi dengan memuaskan. Mengenai langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor ini saya rasa sudah banyak kali penjelasan tentang perkara ini dihuraikan dalam Dewan yang mulia ini oleh Y.B. Menteri Kesihatan dan saya sendiri tidak berhajat hendak mengulang penghuraian atas perkara ini lagi. Walau bagaimanapun, sukalah saya menjamin Dewan yang mulia ini iaitu Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha menambah bilangan pegawai-pegawai perubatan dalam perkhidmatan Kerajaan.

(b) Sehingga 27hb November, 1980 seramai 152 orang pegawai-pegawai dan pakar-pakar perubatan telah meletakkan jawatan dan untuk mengatasi masalah ini Kementerian Kesihatan telah mengambil pegawai-pegawai perubatan dari luar negeri secara kontrak. Di samping itu beberapa pegawai perubatan yang berkhidmat dengan Kerajaan digalakkan untuk mengambil Ijazah Kepakaran.

RUMAH SEKTOR SWASTA DAN AWAM—PEMBINAAN

21. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah jumlah rumah yang telah siap dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga oleh kedua sektor swasta dan awam dan dari jumlah yang dibina itu berapa banyakkah yang dimiliki oleh rakyat Malaysia mengikut pecahan kaum dan dari jumlah itu juga bagaimanakah pecahan mengikut negeri.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat tentang jumlah rumah yang telah siap dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga oleh sektor swasta dan awam, saya telahpun memberi jawapan kepada soalan yang sama pada 19hb November, 1980 yang lalu.

Kerajaan tidak ada mempunyai maklumat tentang berapa banyakkah rumah yang dibina itu dimiliki oleh rakyat Malaysia mengikut pecahan kaum. Mungkin Banci Perumahan 1980 boleh memberi maklumat ini. Kementerian saya juga tidak mempunyai bilangan unit yang lengkap dan kemaskini mengenai rumah yang dibina oleh sektor awam dan sektor swasta mengikut pecahan negeri. Usaha sedang dijalankan untuk mendapatkan maklumat ini.

VISA PADRI-PADRI ASING

22. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar terdapat, kekurangan padri-padri Katholik dalam negara kita, dan jika ya, sama ada Kementeriaannya akan menimbang untuk melanjutkan Visa padri-padri asing yang pada masa ini berkhidmat di negara ini dan di samping itu memudah dan menyegerakan pengeluaran Visa kepada pengganti-pengganti mereka dan/atau padri-padri baru.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, tidaklah berlaku kekurangan padri-padri Katholik dalam negara ini.

Mengenai padri dagang yang sedang berkhidmat pula, pertimbangan ke atas Perlanjutan Pas Lawatan (Ikhtisas) mereka (bukannya visa sebagaimana yang dinyatakan oleh ahli Yang Berhormat) dibuat berasaskan kepada dasar-dasar mengenai kemasukan padri dagang yang berkuatkuasa sekarang. Setakat ini tidak berlaku kelambatan dalam pengeluaran Pas Lawatan (Ikhtisas) untuk pengganti-pengganti padri dagang yang telah tamat tempoh perkhidmatannya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (10hb Disember, 1980).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan baharu sahaja mula mengemukakan Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu 1980. Sekarang saya jemput Yang Berhormat menyambung ucapannya.

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti saya mengatakan kelmarin, Kerajaan merancang satu jeti untuk gas cecair LNG dan 4 dermaga untuk kargo kering di Bintulu. Jeti LNG ini dapat menampung pengeluaran LNG sebanyak 6 juta tan setahun. Projek ini akan menelan belanja sebanyak \$500 juta.

Pada ketika ini, Pelabuhan Bintulu adalah dalam peringkat pembinaan yang sedang dilaksanakan secara lima (5) kontrak iaitu "Site Preparations", "Quarry Operations", "Dredging", "Breakwaters and Wharves" dan "Buildings and Utilities". Kerja pembinaan Pelabuhan ini telah bermula pada bulan September 1979 dan dijangka akan siap dan bermula operasinya tidak lewat daripada 1hb Januari 1983.

Setakat ini empat (4) daripada lima (5) buah kontrak ini telahpun ditawarkan dan sedang dilaksanakan. Kontrak No. 5 dijangka akan ditawarkan sebelum Januari 1981. Semua kerja yang berkaitan dengan pembinaan pelabuhan dijangka dapat disiapkan sebelum akhir tahun 1982.

Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu ini meliputi segala aspek termasuk penubuhan Lembaga dan kuasa-kuasanya, ahli-ahli kakitangan, bayaran-bayaran tanggungan

parmaliman dan lain-lain perkara yang melibatkan operasi pelabuhan tersebut. Pada keseluruhannya susunan dan kandungan Akta ini adalah sama dengan Akta Lembaga Pelabuhan-pelabuhan 1963 dengan diubahsuai-kan bagi membolehkan Akta ini berkuatkuasa di Pelabuhan Bintulu sahaja.

Saya juga memaklumkan Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang yang tidak dapat ditentukan pada waktu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Lembaga Pelabuhan Bintulu, mengenai pemindahan dan perletakan kepada Lembaga akan tanggungjawab atas pembangunan dan kemajuan, pengawalan dan pentadbiran Pelabuhan Bintulu dan mengenai segala hal dan perkara lain yang perlu, yang bersampingan atau yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

3.41 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini.

Adalah diketahui perbelanjaan rancangan ini akan menelan \$500 juta dan sudah tentulah rancangan yang begitu besar itu akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan membawa kemajuan dan kemakmuran yang besar bagi satu kawasan. Tetapi rancangan Bintulu ini telah membawa satu perkembangan ekonomi yang luar biasa (abnormal dan artificial). Saya bermaksud rancangan Bintulu ini telah menarik (attract) ramai orang datang ke bandar itu untuk mendapat kerja. Kedatangan orang-orang itu telah mewujudkan berbagai masalah sosial, misalnya, perkhidmatan pengangkutan, perubatan, perumahan dan lain-lain telah menjadi tidak mencukupi.

Harga barang-barang makanan, sayur-sayuran telah menjadi lebih mahal, kehidupan biasa penduduk-penduduk tempatan telah diganggu (upset). Sudah tentulah Pelabuhan Bintulu ini bukanlah projek besar yang tunggal yang dilaksanakan oleh Kerajaan, sebaliknya Kerajaan seterusnya akan membangunkan projek-projek lain di tempat-tempat lain juga. Oleh yang demikian, kita harus mempelajari sesuatu daripada rancangan ini.

Saya berpendapat rancangan besar seumpama ini tidak patut dijalankan dengan berasingan dan patut mengambil kira dan mengkaji juga keadaan-keadaan dan kemudahan-kemudahan sosial yang berkurangan. Perancang-perancang lain seperti Perancang Bandar harus dijemput untuk merancang bersama-sama semasa projek utama itu dirangka supaya masalah-masalah sosial yang buruk tidak akan wujud.

Dalam hubungan ini saya bercadang semasa Kerajaan menjalankan rancangan itu pihak swasta harus diberi segala galakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan lain seperti hotel, perumahan, hiburan seimbang dengan kemajuan yang sedang dilakukan di situ.

Bagi rancangan Bintulu ini memandangkan kos kemajuannya adalah begitu tinggi, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya mengambil segala tindakan yang perlu untuk menentukan kesilapan, kesalahan, kelemahan yang telah dialami di Pelabuhan Kuantan itu tidak diulangi. Kita harus mempelajari pelajaran-pelajaran tertentu daripada pengalaman Kuantan Port itu. Kesukaran-kesukaran berbangkit di Kuantan mungkin diakibatkan kerana kesilapan rekabentuk, mungkin kerana kesilapan kemanusiaan, mungkin kerana alam semula jadi. Laporan-laporan Pelabuhan Kuantan itu telah disampaikan kepada Kementerian dan Kementerian harus memeriksa dan mengkaji sedalam-dalamnya laporan-laporan itu supaya kelemahan-kelemahan yang telah berlaku di Kuantan itu tidak terjadi lagi di Bintulu.

Apa yang paling penting juga ialah pembinaan Pelabuhan Bintulu itu harus dijalankan mengikut jadual. Kementerian sendiri tahu Kerajaan akan menghadapi kerugian berjuta-juta ringgit bagi setiap hari yang lewat dalam pembinaannya. Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya mengadakan penyeliaan (supervision)

yang baik dengan pegawai-pegawai yang berkelayakan dan mencukupi di tempat kerja (worksite) untuk menyelaraskan kerja-kerja yang sedang dijalankan itu.

Saya menitikberatkan pegawai-pegawai yang cukup dengan harapan Kementerian ini memahami maksud saya kerana Kementerian sendiri tahu kelemahan-kelemahan rancangan-rancangan tertentu adalah disebabkan kita hanya mempunyai satu atau dua pegawai sahaja di tempat kerja untuk menyelia (supervise) kerja-kerja yang besar dan rumit itu dan pegawai-pegawai itu harus dihantarkan ke work site sebelum dan semasa kerja itu dijalankan dan bukan pada peringkat terakhir apabila kerosakan tertentu yang sudah berlaku itu tidak dapat dielak dan dibetulkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh satu perkara yang amat significant dan menarik. Beberapa hari yang lalu Kementerian Perusahaan Utama telah mengumumkan Kerajaan Persekutuan akan secara langsungnya memulakan beberapa projek penghutan semula sungguhpun pada biasanya penghutan adalah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri. Dalam rancangan pembinaan Pelabuhan Bintulu ini kita menghadapi satu keadaan yang lebih kurang sama juga, iaitu melalui undang-undang tertentu Kerajaan Persekutuan telah berusaha untuk memajukan satu rancangan yang besar di Bintulu bagi Kerajaan Negeri Sarawak. Saya berharap ini akan menjadi satu aliran (trend) bagi Kerajaan Pusat kita untuk mengambil alih bidang-bidang tertentu jika Kerajaan Persekutuan boleh bertindak dengan lebih berkesan, lebih cekap dan lebih cepat untuk kepentingan rakyat dan negara. Ini bukanlah masanya bagi saya berbahas along this line, tetapi saya ingin menyentuh sambil lalu (in passing) bahawa Kerajaan Persekutuan harus menimbangkan supaya bertindak secara langsung dalam hal-hal seperti Kerajaan Tempatan, rancangan perumahan kos rendah dan lain-lain pada masa-masa yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

3.48 ptg.

Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Lembaga Pelabuhan Bintulu 1980. Di samping menyokong, saya di sini ingin menyentuh satu dua perkara yang saya fikirkan penting.

Yang pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan juga kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang telah sudi dan menyalurkan peruntukan sebanyak \$400 juta untuk pembangunan Pelabuhan Air Dalam Bintulu dan sebanyak \$87 juta peruntukan ini akan disediakan pada tahun 1981.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati kerana peruntukan wang yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Pelabuhan Bintulu 1980 ini adalah merupakan satu modal yang besar dan penting untuk mementingkan SESCO ekonomi baru Kerajaan. Bila Rang Undang-undang ini sudah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini maka saya fikir perlulah pihak Lembaga ini membentuk program-program dan menyusun semula pembangunan-pembangunan dan kemajuan yang lain yang melibatkan sebahagian besar perbelanjaan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya dengan penubuhan Lembaga Pelabuhan di Kawasan Bintulu itu maka berkembanglah SESCO ekonomi baru Kerajaan dan akan dapat menambahkan besar lagi dari semasa ke semasa, kerana saya berpendapat bahawa Pelabuhan Bintulu itu nanti akan dapat memberi hasil yang lebih besar kepada negara Malaysia di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa hasil yang lebih besar keluar dari kawasan Bintulu itu ialah hasil dari minyak, kayu balak, aluminium dan sebagainya dan saya fikir kawasan Bintulu itu nanti akan dapat menjadi ibu negara Sarawak mengikut program-program yang telah disusun sekarang kerana saya difahamkan bahawa tidak lama lagi Kerajaan kita akan dapat membina projek yang lebih besar yang menelan belanja berjuta-juta ringgit seperti International Airport, Universiti Pertanian dan sebagainya dan tidak kurang daripada 40 batu persegi tanah di kawasan Bintulu itu juga

telah diambilalih oleh pihak Lembaga. Namun demikian, Kerajaan Pusat perlulah menambahkan peruntukan wang berlipat ganda kepada kawasan Bintulu itu supaya pembangunan dan kemajuan yang lain di kawasan tersebut dapat dipercepatkan.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa pihak lembaga dan pegawai-pegawai diperingkat Negeri dan kakitangan Kerajaan Tempatan haruslah bekerjasama di antara satu sama lain semasa menjalankan fungsi-fungsi mengikut program yang telah disusun sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mencadangkan dengan panjang lebar dan disambung juga pada petang ini. Beliau mencadangkan banyak susunan-susunan program yang besar seperti pembangunan industri dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Sarawak mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana kerajaan akan dapat menyalurkan peruntukan yang lebih besar kepada kawasan Bintulu itu. Inilah harapan rakyat supaya semua lapisan rakyat akan dapat bekerja di masa hadapan di kawasan itu.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menyentuh Fasal 4 (1) dalam Rang Undang-undang ini iaitu melantikkan pegawai-pegawai Lembaga. Dalam Fasal 4 ini akan memberi kuasa penuh kepada Menteri berkenaan untuk melantikkan seorang Pengerusi Lembaga dan seorang Pengurus Besar dan tidak kurang dari 5 orang dan tidak lebih dari 9 orang menjadi ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh dalam Fasal 4 ini tetapi saya berpendapat di dalam Fasal 4 ini, seperti seksyen-kecil (1) (a) dan (b) dan sebagainya tidak ada menyebut tempoh menjadi ahli Lembaga, sama ada tiga empat ataupun lima tahun menjadi ahlinya. Bagi Pengerusi dan Pengurus Besar, ini terpulang kepada Menteri yang berkenaan tetapi berkenaan dengan orang yang menjadi ahli Lembaga saya di sini merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya tempoh menjadi ahli Lembaga ini akan ditetapkan.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya sebutkan ialah berkaitan dengan pemilihan ahli Lembaga di masa yang

akan datang. Saya fikir kalaulah dapat saya merayu kepada pihak Menteri berkenaan supaya memilih orang yang penuh pengalaman dan tidak pilih mengikut parti politik, bangsa dan agama tetapi pilih kepada orang yang berpandu kepada Rukunegara.

Kedua, pemilihannya sekurang-kurangnya boleh juga ahli Lembaga ini dapat diambil dari negeri Sarawak supaya dapat seimbang ahlinya di peringkat negeri dengan peringkat pusat. Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri berkenaan akan dapat memberi pertimbangan dengan berpatutan semasa memilih ahli Lembaga di pelabuhan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu berkaitan dengan Fasal 6—Tugas-tugas Lembaga. Pada pandangan saya bila Rang Undang-undang ini telah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini pihak Lembaga sudah pasti penuh bertanggungjawab di kawasan Pelabuhan Bintulu itu iaitu untuk mengawal mengenai segala hal yang tertentu, iaitu menjalankan fungsi-fungsinya dan aktiviti-aktiviti yang lain untuk mempercepatkan segala pembangunan dan kemajuan yang lain. Saya berharap bahawa pihak Lembaga ini akan dapat berjaya semasa menjalankan semua pembangunan dan kemajuan yang lain di kawasan Bintulu itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya ingin menyentuh gaji dan upahan ataupun insurans kepada buruh-buruh kerana kalaulah kurang buruh atau gaji dan upahan kepada semua buruh tidak dengan teratur, dengan betul, maka pembangunan dan kemajuan yang lain tidak juga dapat dilaksanakan dengan berkesan dan saya fikir gaji dan upahan serta insurans buruh perlulah dikaji semula kerana pada masa ini saya difahamkan bahawa gaji buruh kaum bumiputra dan gaji buruh bukan bumiputra tidak sama. Ini kerana kontraktor-kontraktor ataupun sub-kontrak di kawasan itu kebanyakannya bukan bumiputra dan buruh kaum bumiputra dimainkan oleh orang tengah. Perkara ini selalu berlaku, bukan sahaja bekerja di luar seperti buruh yang bertukang mengecat rumah dan sebagainya tetapi kepada buruh yang perlu disiasat supaya buruh kaum bumiputra tidak berasa bimbang.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri berkenaan akan dapat mengadakan satu skim gaji minima, upahan dan insurans kepada

buruh-buruh dengan secepat mungkin. Saya yakin bahawa dengan mengadakan peruntukan gaji minima, upahan dan insurans kepada buruh-buruh maka saya fikir ini dapat memberi jaminan yang baik khasnya kepada pelabur asing yang datang melabur ke kawasan Bintulu itu.

Kedua, kalaulah difikirkan perlu pada masa ini Kerajaan akan dapat mengadakan dengan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Di Raja untuk mengkaji berbagai-bagai segi dasar buruh-buruh yang berkaitan dengan kelemahan, keselamatan buruh yang memeningkan Kerajaan dan negara melalui satu dasar dan sistem undang-undang di kawasan itu supaya adil di kedua-dua pihak baik dipihak Lembaga, majikan ataupun pihak kaum pekerja. Saya berharap bahawa Kementerian berkenaan akan dapat mengambil perhatian supaya perkara-perkara yang saya sebutkan di sini dapat diselesaikan kerana saya dapati bahawa pada masa ini ramai orang datang dari luar negeri seperti dari Jepun, Korea, Australia dan sebagainya termasuk juga buruh di Sarawak datang ke kawasan Bintulu itu mencari kerja maka skim gaji, upahan dan insurans kepada buruh itu perlulah disediakan.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Kerajaan kita perlu juga menambahkan lebih banyak lagi pihak polis di kawasan itu untuk menjaga keselamatan di kawasan Bintulu itu. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa Kementerian berkenaan akan dapat mengambil perhatian dengan serius supaya keselamatan di kawasan Bintulu itu dapat berkesan dan kemajuan dapat dilaksanakan dengan sempurna di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam Fasal 10 iaitu kuasa Lembaga untuk memberi pajak ataupun lesen pesisir dan sebagainya di kawasan Bintulu itu. Di sini saya suka memberi pandangan sedikit supaya pihak Lembaga ini akan dapat mengambil perhatian kerana pada masa ini saya berpendapat di Sarawak banyak kaum bumiputra sudah dilatih dan sedang dilatih di bidang kontraktor dan juga di bidang perniagaan. Saya fikir pemberian pajak atau lesen pesisir kepada bumiputra perlulah dipertimbangkan supaya pemberian lesen akan memuaskan para bumiputra yang ingin memajak dan juga kepada bumiputra yang perlukan lesen

pesisir di kawasan Bintulu itu. Saya harap bahawa pihak Lembaga di masa akan datang akan dapat memikirkan dan menyiasat dengan teliti semua perkara yang mengeluarkan lesen pajak dan lesen sisir supaya kaum bumiputra tidak ketinggalan di bidang kontraktor ataupun di bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya patut bangkitkan di sini ialah berkaitan dengan kekurangan bekalan air di kawasan Bintulu itu. Tadi saya ada sebut ramai buruh datang dari luar negeri seperti dari Jepun, Korea, Australia dan sebagainya. Dan oleh hal yang demikian berlakulah kekurangan air di kawasan itu. Ini sudah menjadi satu masalah kepada pengguna-pengguna air di kawasan tersebut dan saya fikir pihak Lembaga perlulah ambil perhatian dengan serius supaya rakyat di kawasan itu tidak berasa bimbang, kerana saya difahamkan bila saya melawat di pertengahan tahun ini ke kawasan ini, saya diberitahu ramai rakyat berasa bimbang dan oleh hal yang demikian, saya berharap bahawa pihak Lembaga akan dapat menyiasat dan membesarkan bekalan air dengan secepat mungkin, kerana ini satu punca yang dapat menjaga keselamatan rakyat yang tinggal di kawasan Bintulu itu dan saya berharap bahawa Kerajaan Pusat akan dapat membantu pihak Lembaga dengan peruntukan yang lebih besar ataupun dengan membantu lembaga ini dengan dua kali ganda supaya pihak lembaga ini akan dapat mempercepatkan kesemua pembangunan dan kemajuan yang lain di kawasan Bintulu itu.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh harga barang makanan di Bintulu pada hari ini.

Saya berpendapat bahawa kakitangan Kerajaan yang menerima gaji di antara \$400-\$500 berhenti kerja, kerana harga barang makanan di kawasan Bintulu tidak seimbang dengan tanggagaji mereka. Misalnya harga sayur kangkung dahulunya 30 sen sekati sekarang sudah meningkat \$1.80 sen di kawasan Bintulu dan begitu juga harga barang-barang makanan yang lain seperti barang dalam tin dan sebagainya yang tidak diletakkan label dengan harga yang berpatutan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya harga barang-barang makanan di kawasan Bintulu itu disiasat dengan teliti supaya orang tengah akan

dapat menjual harga barang mereka dengan berpatutan kepada semua orang ramai dan saya berharap bahawa pihak Kementerian yang berkenaan akan dapat ambil perhatian dalam masalah ini supaya ianya dapat diatasi dengan sebaik-baiknya untuk memuaskan kepada semua pekerja di kawasan Bintulu itu.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, memang sudah menjadi kebiasaan pihak Pembangkang mengkritik dalam Dewan yang mulia ini. Jika Kerajaan membangunkan negara, ia juga mengkritik. Kalau Kerajaan menyediakan peruntukan wang lebih besar seperti kawasan Bintulu ini, ia juga mungkin mengkritik mengatakan salahguna. Contohnya dalam minggu lepas Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bercakap di dalam Kementerian Perusahaan Awam (Perbadanan Pembangunan Bandar) yang mengatakan bahawa rakyat di kawasan bandar Sibu masih ketinggalan di bidang industri, perumahan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa rakyat di Bintulu ini telah berasa puas hati dengan semua rancangan yang telah ada sekarang. Saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu membuat kritik seperti ini untuk meninggikan imej parti DAP di kawasan itu dan mungkin ucapan beliau itu juga akan dimasukkan dalam surat khabar atau disiarkan dalam TV dan dilaporkan juga dalam Laporan Parlimen pukul 9.20 malam.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan laporan pembangunan dan kemajuan khususnya pembangunan di kawasan Bintulu itu, saya fikir perlu dikeluarkan dalam surat khabar dan TV supaya pelabur-pelabur asing bertambah datang ke kawasan itu. Kami Ahli Parlimen dari Sarawak juga berulang kali bercakap dalam Dewan yang mulia ini tetapi kadangkala ucapan kami dikeluarkan dalam surat khabar dan bila kami balik nanti, kami dipersoalkan oleh rakyat khususnya rakyat di luar bandar. Masa ini rumah perseorangan dan rumah panjang banyak yang sudah dilengkapkan dengan TV dan ramai penonton ingin melihat pembangunan khususnya seperti pembangunan pelabuhan di kawasan Bintulu itu, tetapi apa

yang menyedihkan ialah ucapan kami Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak kadangkala ucapan itu tidak dilaporkan dalam Laporan Parlimen di TV pukul 9.20 malam.

Contohnya dalam minggu lepas, saya sendiri ada diberi peluang bercakap 3 kali dalam Jawatankuasa dan saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker tetapi ucapan saya itu cuma sekali sahaja dikeluarkan dalam Laporan Parlimen. Kami berpendapat bahawa perkara seperti ini akan melemahkan parti yang memerintah negeri Sarawak dan di masa yang akan datang, kami sangat sukar bercakap dalam Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan perasaan rakyat Sarawak, kesusahan rakyat khususnya rakyat di luar bandar supaya pembangunan-pembangunan jalan, kampung dipercepatkan.

Selain dari itu saya fikir di masa mesyuarat Parlimen akan datang, Kerajaan perlulah menjemput reporters dari Sarawak di waktu mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya ucapan Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak itu dapat dikeluarkan dalam *Sarawak Tribune* dan surat khabar yang lain di Sarawak dan saya berharap bahawa perkara yang saya sebutkan di sini akan dapat diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Pelabuhan Bintulu, 1980.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

4.06 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya berpendapat ini adalah satu bukti Kerajaan Barisan Nasional khususnya Kerajaan Pusat akan memajukan Dasar Ekonomi Baru di seluruh negara tidak kira Semenanjung Malaysia Barat atau Malaysia Timur.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini, saya juga bersetuju dengan pendapat rakan saya tadi bahawa ini menambahkan satu peluang pekerjaan kepada rakyat negara kita yang masih banyak lagi menganggur kerana dengan adanya pelabuhan ini, saya percaya akan banyak memberi peluang pekerjaan

kepada rakyat negara kita dengan mendapat berjenis-jenis pekerjaan tinggi, rendah dan sebagainya. Dengan sebab itu sudah sampailah masanya Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang dikatakan di sini akan mengambil tempat Pelabuhan Bintulu menjadi satu pelabuhan yang lengkap untuk mengambil barang-barang dari Sarawak dan khususnya daripada Malaysia Timur.

Saya berharap dengan adanya pelabuhan ini sebagaimana yang dikatakan oleh wakil dari Teluk Anson tadi saya bersetuju sangat, kerana pelabuhan di negara kita ini bukanlah diadakan pada kali pertama, selain daripada itu ada Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Pasir Gudang, Johor. Jadi saya berpendapat perkara yang tak baik itu kita jadikan tauladan supaya ia tidak berlaku lagi sebagaimana yang berlaku di Kuantan seperti yang dikatakan oleh wakil dari Telok Anson tadi.

Kalaulah pelabuhan ini banyak susunan pentadbirannya tidak teratur itu menjadikan bertambah sukar bagi kita dan ianya perlu kepada pembaikan untuk faedah negara. Saya berharap pelabuhan yang akan dibina di Bintulu ini juga menjadi tauladan seperti mana berlaku baru-baru ini di Pelabuhan Kelang di mana kontena tak cukup, kadang-kadang sehingga kapal yang berlabuh di situ hendak bawa barang-barang ke negeri lain misalnya ke Singapura dan sebagainya adalah terjejas. Ini membawa imej negara kita jatuh. Saya berharap apa yang akan diadakan di Bintulu ini hendaklah kita awasi betul-betul.

Yang kedua, negara kita adalah satu negara yang sudah maju, kita sudah merdeka 23 tahun, universiti kita pun banyak iaitu Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya dan sebagainya. Jadi saya berharap kepada pekerja-pekerja yang kita akan jalankan seperti Badan Perunding atau Pakar Perunding misalnya, hendaklah kita ambil dari anak tempatan. Kadang-kadang pihak yang jauh dia tidak tahu, walaupun dia ada pengetahuan yang lebih seperti kata pepatah: Alah bisa; tegal biasa. Saya contohkan di Lapanganterbang Pulau Pinang, setahu saya kita ambil Pakar Perunding daripada luar negeri dengan memakan belanja berjuta-juta ringgit, tetapi tidak sampai dua tahun keadaan bangunan

retak dan sebagainya. Jadi ini merugikan kita sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Saya kata begitu kerana kita telah banyak buat perancangan, misalnya segala-galanya yang kita buat seperti lapanganterbang, pelabuhan dan sebagainya. Ini adalah untuk kegunaan kepada rakyat umum dan kita tidak menafikan kalau kita membina pelabuhan ia akan memakan belanja dengan berjuta-juta begitu juga lapanganterbang ataupun jalarrera. Tetapi orang yang akan menjalankan kerja ini semua kita ambil daripada anak luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kemudahan asas itu, saya percaya kita perlu mengeluarkan modal berjuta-juta ringgit, jadi alangkah bahagiannya segala-galanya atau kedua-dua di segi jangka panjang dapat kepada rakyat kita Malaysia dan apa yang kita hendak buat yang baru itupun dapat kepada rakyat Malaysia kita. Jadi kita berharap supaya Badan Perunding atau Pakar Perunding tadi hendaklah diambil daripada rakyat Malaysia sendiri, saya yakin tidak kurang daripada rakyat Malaysia yang berkebolehan, kerana negara kita sudah 23 tahun merdeka, kita boleh menjalankan tugas-tugas ini. Kalau kita ambil pakar-pakar daripada luar macam saya kata tadi, contohnya Lapanganterbang Pulau Pinang pun sudah mulai rosak, walaupun tidak sampai masa yang patut dijangka. Jadi saya harap apa yang saya katakan ini akan mendapat perhatian daripada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga dengan adanya Pelabuhan Bintulu ini sebagaimana dikatakan oleh kawan-kawan saya tadi akan menjadikan satu tali persaudaraan yang lebih erat di antara kita Semenanjung Malaysia dengan Malaysia Timur. Walaupun kita satu negara, tetapi kita biasa dengar kadang-kadang orang yang menjadi anti-nasional, anti kemerdekaan ini mengambil peluang daripada apa yang kita buat, kadang-kadang dikatanya kita ini menjajah atas menjajah. Jadi bererti rakyat Semenanjung Malaysia menjajah Malaysia Timur dan sebagainya kerana semua orang kita pergi ke sana. Kita hendaklah tunjukkan bukti atas satu-satu perkara yang boleh dijalankan oleh rakyat atau anak tempatan di situ baik apa sekalipun, utamakanlah rakyat di tempat itu, kecuali perkara-perkara itu tidak boleh dijalankan oleh rakyat tempatan yang sama-sama satu negara dengan negara

kita Malaysia. Saya berharap yang rakyat di negeri itu, yang satu negara dengan kita iaitu Malaysia, memberi peluang dengan suka hati dan dengan senang hati. Apa yang saya kata ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya biasa dengar sendiri ada di antara kawan-kawan kita kadang-kadang ia bekerja atau memegang jawatan penting di Malaysia Timur, misalnya menjadi guru dan sebagainya, tetapi ada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab berkempen mengatakan rakyat Semenanjung Malaysia menjajah mereka di Malaysia Timur tetapi bukanlah semua rakyat mengatakan begitu.

Sebagaimana saya katakan tadi kalaulah satu-satu pekerjaan boleh dibuat oleh rakyat khususnya di kawasan Bintulu itu sendiri, biarlah kita beri keutamaan kepada mereka apa yang sesuai dengan pekerjaan yang boleh mereka jalankan, seperti kata orang, janganlah kita membuat sesuatu perkara macam kata pepatah: Itik mati kehausan di dalam kolam air; ayam mati kelaparan di jelapang padi. Ertinya rakyat tidak dapat kerja sedangkan di kawasan mereka itu banyak kerja yang kosong, tetapi orang lain yang dapat kerja di situ.

Saya berharap supaya sebarang rancangan yang kita jalankan sebagaimana Pelabuhan Bintulu yang kita adakan, akan menjadi salah satu peluang mendapat pekerjaan kepada rakyat kita Malaysia khususnya penduduk tempatan yang ada di sekitar kawasan berkenaan, dengan ini menjadi satu bukti terutama kepada rakyat di situ menjalinkan lebih rapat lagi perhubungan kita di antara satu negeri dengan satu negeri yang ada dalam negara Malaysia ini.

Saya menyokong dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang mana kita selalu berseru kepada Kerajaan hendak melaburkan industri, hendak mengadakan satu-satu pelabuhan janganlah ditumpukan di kawasan yang telah maju seperti Kuala Lumpur, Kuala Selangor, Kelang, Pasir Gudang dan sebagainya. Tetapi tujukanlah sebagaimana di Bintulu dan kalau ada peluang juga binalah di Kuala Perlis. Misalnya kalau pada satu ketika patut diadakan pelabuhan yang sesuai patutlah apa yang dijalankan oleh Kerajaan dibanyakkan lagi, jangan ditumpukan semata-mata ke kawasan yang telah banyak di situlah pelabuhan, di situlah berhampiran tidak sampai

12 batu pula ada lapangan terbang dan berbagai-bagai lagi. Saya berharaplah rancangan yang macam ini akan menjadi satu tauladan dan satu perangsang kepada Kerajaan untuk mengadakan lebih banyak lagi tempat yang sesuai, yang ada laut dan ada banyak bahan-bahan galian yang dapat diambil.

Saya percaya dengan adanya Pelabuhan Bintulu ini akan menjadi bertambah maju. Kalau di masa-masa yang lampau barangkali barang-barang galian yang ada di kawasan Sarawak khususnya tidak dapat dipasarkan kerana kekurangan pelabuhan dan tidak ada pelabuhan yang maju sebagaimana yang akan dibuat ini, tentulah barang-barang itu tidak dapat dijual dengan baik dan harga yang berpatutan. Dan boleh jadi anak-anak tempatan Sarawak yang sepatutnya barang-barang dapat dibeli dengan harga yang murah, harus tidak dapat dibeli kerana pelabuhannya tidak ada. Saya contohkan di tempat saya sendiri di Perlis walaupun negeri kami kecil, tetapi kami selalu minta diadakan pelabuhan, kerana kami tahu dengan adanya pelabuhan yang banyak, barang-barang galian yang ada, yang tidak boleh dijual dengan harga yang mahal kerana tidak boleh dibawa dengan kenderaan; kerana barang-barangnya banyak, susah hendak dibawa, kecuali dengan kapal dan sebagainya, tetapi barang itu tidak boleh dibawa kerana tidak ada pelabuhan, dengan sebab itulah kami meminta diadakan pelabuhan.

Saya percaya dengan adanya Pelabuhan Bintulu yang akan diadakan di Sarawak ini akan memudahkan rakyat Sarawak sendiri untuk membawa segala bahan-bahan galian itu. Kalau di masa yang lepas harganya tidak meningkat naik, tetapi dengan adanya pelabuhan bahan-bahan galian akan mendapat pasaran yang baik. Saya berharap dengan adanya pelabuhan ini seperti di masa yang lepas barangkali barang-barang galian seperti bijih timah dapat dihasilkan 50%, begitu kayu-kayan dan sebagainya yang dihasilkan oleh Sarawak akan berlipatganda lagi dengan adanya pelabuhan yang sebegini. Begitu juga barang-barang dagangan kita, kalau dahulu misalnya didapati oleh rakyat hanya 50% tetapi dengan adanya pelabuhan ini akan bertambah lagi kerana ini menambahkan pekerjaan dan menambahkan pendapatan kepada rakyat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang saya percaya kalau di masa yang lepas walaupun cara kecil-kecil dianjurkan sendiri oleh Kerajaan Negeri Sarawak, tetapi sekarang diberi kuasa kepada Kerajaan Pusat untuk memegang kuasa penuh selepas Rang Undang-undang ini diluluskan.

Saya berharap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini Sarawak akan mempunyai sebuah pelabuhan yang maju, hasil akan bertambah kepada negara kita.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, katanya pelabuhan yang kita buat ini seperti juga pelabuhan yang ada, cuma diubahsuaikan jika ada setengah tempat yang patut kita ubahsuaikan, dengan sebab itu selalu kita dengar dan yang paling baik sekali kita belajar daripada benda yang salah kita telah lakukan. Jadi kerana sudah banyak pelabuhan yang telah wujud seperti saya kata tadi, Pelabuhan Bintulu walaupun baru, saya penuh yakin akan menjadi sebuah pelabuhan yang segala-galanya bagus dari segi pentadbiran dan menghasilkan kerja yang memuaskan hati segenap pihak sama ada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat supaya ini memberi keuntungan kepada negara kita dengan adanya Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu yang akan kita luluskan pada hari ini, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.19 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan sedikit pandangan saya terhadap satu Rang Undang Lembaga Pelabuhan Bintulu tahun 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menubuhkan sebuah Lembaga Pelabuhan untuk Bintulu yang akan bertanggungjawab dan menguruskan satu lagi pelabuhan baru di negara ini.

Tuan Speaker, dengan perkembangan pesat dibidang perdagangan antarabangsa Malaysia tanpa diragukan bahawa usaha-usaha menyeluruh dan tegas mestilah dilakukan bagi membangun dan menambahkan kemudahan-kemudahan untuk pelabuhan-pelabuhan kita yang ada sekarang di samping membuka pelabuhan-pelabuhan baru jika perlu bagi menampung pertumbuhan dan perkembangan di bidang perdagangan.

Dengan pandangan dan harapan ini, Tuan Speaker, saya mengalu-alukan pembinaan satu pelabuhan air dalam di Bintulu di negara kita yang tidak sahaja untuk melayani pengangkutan kargo tetapi juga untuk menghantar Gas Cecair Asli dengan tersedianya kemudahan-kemudahan muatan Gas Cecair Asli di situ.

Dalam Rang Undang-undang ini berkaitan dengan perenggan mengenai tafsiran "barang-barang" termasuk ternakan, galian, keluaran kilang, apajua bentuk gas dan apajua jenis barang dagangan. Memandangkan tafsiran ini maka saya boleh anggap bahawa Pelabuhan Bintulu ini ialah satu pelabuhan yang baru untuk menguruskan barang-barang am (general items). Meskipun tadi saya kata saya mengalu-alukan pembinaan Pelabuhan Bintulu yang baru ini, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mendapat satu jaminan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu jaminan daripada Kerajaan bahawa pelabuhan baru ini akan dirancang dengan sebaik-baiknya, dibina dengan berhati-hati, dikawal dan diawasi dengan sempurna dan menjadi satu pelabuhan yang ditadbir dengan rajinya. Biarkanlah perancang-perancang dan pembina Pelabuhan Bintulu ini mengambil kesempatan sepenuhnya penempatan (siting) pelabuhan air dalam itu untuk menjadi satu pelabuhan yang bertaraf antara bangsa dengan perancangan dan pembinaan yang terbaik daripada kedudukan tapak yang ada sekarang.

Dalam hubungan ini, Tuan Speaker, perancang dan pentadbir-pentadbir haruslah tidak teragak-agak untuk belajar dari pengalaman dan juga belajar dari lain-lain pelabuhan luar negeri yang terkenal di dunia yang mencapai taraf antarabangsa yang boleh dibanggakan seperti Pelabuhan Rotterdam di Holland supaya kita semua boleh memastikan kejayaan yang harus dicapai oleh Pelabuhan Bintulu ini.

Tuan Speaker, apa yang saya anggap adalah lebih penting kita mestilah belajar daripada kelemahan atau kegagalan yang ada terdapat di pelabuhan-pelabuhan yang wujud sekarang supaya Pelabuhan Bintulu boleh dirancang dan dibangunkan menurut garis panduan yang betul. Kita sekarang mempunyai beberapa pelabuhan di negara kita, misalnya, Pelabuhan Kelang, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Sandakan, Kuching dan tidak dilupakan Pelabuhan Kuantan. Tetapi tidak satu daripada pelabuhan-pelabuhan yang disentuh oleh saya yang boleh dianggap telah mencapai taraf (standard) antarabangsa yang dapat dibanggakan.

Satu contoh yang baik yang kita boleh sentuh di sini ialah berkenaan dengan Pelabuhan Kuantan di mana nampaknya pelabuhan itupun telah menjadi satu fiasco pada masa sekarang dan saya rasa bahawa adalah sangat penting supaya apabila kita merancang untuk membina Pelabuhan Bintulu yang baru ini, kita patutlah sanggup bersedia untuk belajar daripada kesilapan-kesilapan yang kita telah mengalami dalam pembinaan pelabuhan-pelabuhan yang lain seperti Pelabuhan Kuantan itu.

Dipandang dari apa yang saya perkatikan itu saya suka mencadangkan bahawa perancang-perancang mestilah memadukan unsur-unsur atau ciri-ciri terbaik daripada pelabuhan-pelabuhan terkenal di dunia untuk dilaksanakan di Pelabuhan Bintulu. Untuk merancang dan membangunkan sesebuah pelabuhan apa yang penting sekali ialah berkenaan dengan pengurusan. Hanyalah pengurusan yang kuat, pengurusan yang cekap sahaja yang boleh menjadikan sesuatu pelabuhan itu berjaya.

Tuan Speaker, oleh kerana Rang Undang-undang ini bertujuan menubuhkan sebuah Lembaga Pelabuhan Bintulu yang akan mengambil tanggungjawab Kerajaan Persekutuan bagi pembangunan, pengawalan dan pentadbiran Pelabuhan Bintulu termasuk pengendalian dan penyenggaraannya, adalah mustahak bahawa hanya mereka yang benar-benar berkelayakan dan berkebolehan tinggi dilantik bertugas dalam Lembaga itu.

Adalah menjadi tugas Menteri yang berkuasa membuat perlantikan-perlantikan dalam Rang Undang-undang ini memastikan, saya rasa bahawa oleh kerana adalah

menjadi tugas Menteri untuk membuat perlantikan-perlantikan, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan haruslah memastikan bahawa Lembaga akan diisi dengan orang-orang yang mampu dan berkebolehan menjalankan tugas mereka dengan cekap. Ini juga hendaklah digunakan dalam melantik ahli-ahli untuk Jawatankuasa Perunding Pelabuhan dan saya suka menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan supaya menentukan bahawa hanya mereka yang terlatih dan berkebolehan sahaja dilantik dalam Jawatankuasa yang menasihatkan pengurus Lembaga itu.

Tuan Speaker, Fasal 11 (1) (c) dalam Rang Undang-undang ini memberikan peruntukan kepada Yang Berhormat Menteri untuk melantik beberapa orang lain untuk duduk dalam Jawatankuasa Perunding Pelabuhan.

Dalam melantik ahli-ahli ini, saya suka menegaskan betapa pentingnya bagi Yang Berhormat Menteri melantik orang-orang yang hanya memiliki, yang hanya mempunyai pengalaman, yang hanya mempunyai kemahiran yang difikirkan boleh diterima dalam hal ehwal perkhidmatan pelabuhan sahaja untuk bertugas dalam Jawatankuasa Perunding Pelabuhan ini. Mereka yang ada mempunyai pengalaman pekerjaan di pelabuhan sahaja yang akan mampu menyumbangkan fikiran yang berkesan dalam memastikan yang Jawatankuasa Perunding itu akan berkebolehan melaksanakan tugas-tugasnya secara aktif.

Tuan Speaker, saya mengetahui bahawa Fasal 12 Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa Lembaga Pelabuhan boleh diperuntukkan dengan jumlah wang untuk modal kerjanya sebagaimana yang ditetapkan oleh Dewan Rakyat. Fasal 13 (1) pula ada juga menyebut bahawa Lembaga hendaklah menyenggarakan akaun-akaun yang patut dan tetap dan lain-lain rekod mengenai wang yang diterima dan dibayar oleh Lembaga.

Memandangkan kepada kedua-dua peruntukan itu, saya ingin mencadangkan di sini bahawa Lembaga Pelabuhan adalah bertanggungjawab untuk melapor, untuk menjawab kepada Dewan Rakyat dan semua penyata kewangan dan penyata kira-kira Lembaga Pelabuhan hendaklah dibentangkan di Dewan Rakyat untuk makluman semua Ahli-ahli

Dewan ini. Tambahan pula Lembaga Pelabuhan hendaklah memastikan bahawa Laporan Tahunannya akan dibentangkan kepada Ahli-ahli Parlimen pada masa-masanya untuk kajian mereka.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini dan dengan adanya satu pelabuhan baru ini saya suka mengambil kesempatan ini untuk menitikberatkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, Memandangkan bahawa Kementerian tersebut telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga beberapa hal yang mustahak di dalam Kementerian itu saya suka mencadangkan bahawa Kementerian patut mengadakan satu jabatan khas yang bertanggungjawab kepada hal ehwal pelabuhan, hal ehwal perkapalan di negara ini dan jabatan khas yang saya maksudkan ini adalah bertanggungjawab dan hendaklah diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan segala hal ehwal tentang perkapalan dan pelabuhan di negara ini.

Di samping ini suka saya menyampaikan satu syor lagi iaitu berkenaan dengan masalah kemahiran, masalah expertise yang dikehendaki untuk menguruskan Lembaga Pelabuhan baikpun pelabuhan Bintulu ataupun pelabuhan-pelabuhan yang lain. Apa yang saya maksudkan ialah supaya pihak Kementerian yang berkenaan dapat memberi pertimbangan tentang penubuhan sebuah pusat latihan yang diberi tanggungjawab untuk melatih pegawai-pegawai untuk melengkapkan pegawai-pegawai itu dengan kemahiran di dalam bidang perkapalan dan pelabuhan di negara ini.

Saya rasa bahawa penubuhan Pusat Latihan Nasional ini adalah mustahak demi kepentingan negara kita, demi kepentingan hasrat kita untuk menentukan bahawa kita ada kemampuan untuk memperbetulkan segala kelemahan-kelemahan yang dialami oleh pelabuhan-pelabuhan di negeri kita dan juga di samping itu untuk menentukan bahawa kita dapat kebolehan kemampuan untuk menentukan kejayaan baikpun pelabuhan Bintulu ataupun pelabuhan-pelabuhan lain di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.37 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu 1980 dengan harapan bahawa dengan adanya Lembaga ini bukan untuk pelabuhan Bintulu sahaja tetapi ekoran daripada memajukan Bintulu adalah juga akan memajukan ekonomi Sarawak dengan lebih pesat lagi.

Dengan kemajuan ekonomi Sarawak ini mudah-mudahan akan dapat meninggikan taraf hidup rakyat Sarawak yang setengah-setengahnya adalah tidak begitu tinggi taraf hidupnya kalau kita bandingkan dengan golongan yang berpendapatan tinggi. Dengan adanya Pelabuhan Bintulu ini hendaknya akan mewujudkan lebih banyak pekerjaan dan dengan sekali imbas kita nampak bahawa bandar Bintulu itu sendiri akan berubah wajah menjadi satu bandar yang maju dan juga bandar yang lebih besar dan juga selain daripada itu dengan kemajuan fizikal ini kita jangan lupa kemajuan dari segi kehidupan penduduk di kawasan itu juga berubah dan juga akan memberi kehidupan secara yang lebih moden. Dan ekoran daripada itu juga mungkin akan menimbulkan masalah sosial sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya dari Telok Anson tadi akibat daripada perubahan sosial dan juga perubahan fizikal yang begitu drastik yang timbul daripada pembangunan kawasan yang tersebut.

Oleh itu perkara ini hendaklah diawasi oleh pihak yang bertanggungjawab di dalam memajukan Pelabuhan Bintulu ini. Dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini saya suka hendak menyebut beberapa perkara yang mungkin dapat dibaiki oleh pihak Kementerian atau dengan cadangan ini mungkin dapat pandangan baru apakah undang-undang ini benar-benar boleh dilaksanakan jika kita bandingkan dengan Lembaga Pelabuhan lain yang telah ditubuhkan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyebut di dalam keanggotaan Lembaga. Misalnya seorang Pengerusi hendaklah dilantik oleh Menteri. Kita tidak hendak menafikan kuasa-kuasa Menteri ini adalah kuasa di dalam sesuatu Lembaga atau satu-satu Kementerian itu tetapi apa yang lebih penting kita tidak mahu akan timbulnya prejudice dan kuasa-kuasa yang besar kepada

Menteri yang mengakibatkan Lembaga ini tidak akan berjalan dengan lebih bebas lagi. Misalnya kalau kuasa melantik ini diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong adalah lebih baik kerana Pengerusi Lembaga dan juga kuasa-kuasa yang menentukan dasar bagi Lembaga ini sepatutnya tidak diberi kepada Menteri tetapi diberi kepada Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Menteri. Kerana kita takut kalau-kalau yang Menteri itu tidak dari Barisan Nasional yang akan mengakibatkan satu perkara yang lain yang akan timbul hasil daripada undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak menyebut di sini berkenaan dengan Pengurus Besar yang di dalam ayat ini menyatakan bahawa "Jika Pengerusi adalah orang lain daripada Pengurus Besar maka Pengurus Besar hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi."

Di sini bermakna bahawa Pengurus Besar itu juga boleh jadi Pengerusi Lembaga ini dan ini merupakan suatu perkara yang mungkin tidak berlaku di pelabuhan lain tetapi kalau sekiranya Pengerusi ini terdiri daripada Pengurus Besar maka bukanlah kita hendak menuduh atau bukanlah kita hendak menyebut sesuatu yang buruk tetapi siapa yang akan menegur dan siapa yang akan mengcheck atau siapa yang akan melihat perjalanan dan pelaksanaan pelabuhan itu. Kalau Pengerusi ini juga daripada Pengurus Besar kemungkinan penyelewengan yang berlaku di dalam pelabuhan itu dan juga apa-apa kesilapan yang berlaku akan tidak dapat ditimbulkan dan akan tidak dapat diperbetulkan dan penyelewengan akan berterusan kerana Pengurus Besar adalah pegawai yang melaksanakan tugas tiba-tiba beliau ini jadi Pengerusi. Di sini bermakna Pengurus Besar pada suatu ketika dengan ketiadaan orang lain beliau akan menjadi Pengerusi Lembaga. Sepatutnya Pengurus Besar ini tidak diberi peluang untuk menjadi Pengerusi, sepatutnya hanya sebagai Timbalan Pengerusi dan ini adalah lebih baik lagi kalau kita memberi kuasa Pengerusi kepada Pengurus Besar.

Selain daripada itu juga saya suka hendak menyebut beberapa perkara di bawah Seksyen 11 iaitu Jawatankuasa Perunding Pelabuhan. Kita tahu Jawatankuasa Perunding Pelabuhan ini adalah akan dilantik daripada orang-orang yang mempunyai kapal, orang-orang yang mahir berkenaan dengan pelabuhan ataupun daripada shipping agents ataupun daripada

orang-orang yang mempunyai kaitan dengan perniagaan pelabuhan itu. Ini adalah merupakan orang luar daripada Lembaga ini dan mereka ini kadang-kadang mempunyai kepentingan di dalam pelabuhan Lembaga ini. Oleh itu saya suka hendak menyebut bahawa di dalam seksyen kecil (c) ini sepatutnya dibatalkan kerana kita tidak mahu Jawatankuasa Perunding ini mempunyai kuasa tertinggi dan kuasa yang menentukan dasar ataupun sesuatu bayaran yang dikenakan kepada pelabuhan ini. Kerana mereka ini adalah orang yang berkepentingan sekiranya bayaran itu tinggi maka mereka ini tidak akan menyukai sebarang charge atau sebarang bayaran. Misalnya apa-apa perubahan besar mengenai charge scale yang dilevy oleh Lembaga. Ini merupakan satu perkara yang ditentukan oleh Jawatankuasa Perunding ini. Jadi perkara (c) sepatutnya dibatalkan iaitu hanya kuasa Menteri sahaja diberi situ. Tidak payah apa perkara lain, maknanya Lembaga adalah dikehendaki oleh Menteri supaya berunding dengan Jawatankuasa. Jikalau kiranya Jawatankuasa itu tidak setuju dengan apa yang dirundingkan itu apakah Menteri mempunyai kuasa di dalam perkara memutuskan perkara-perkara Surcharge dan sebagainya yang berkait dengan pelabuhan ini. Jadi untuk perkara ini, sepatutnya perkara (c) ini dibatalkan dan kuasa diberi kepada Menteri adalah kuasa tertinggi di dalam menentukan sebarang perkara yang berkaitan dengan perkara ini dan tidak diserahkan kepada Jawatankuasa Perunding yang kebanyakannya terdiri daripada orang luar yang mempunyai kepentingan dengan pelabuhan ini.

Selain daripada itu saya suka hendak menyebut tentang perkara-perkara yang kecil-kecil yang akan berlaku dengan adanya Lembaga Pelabuhan Bintulu ini. Misalnya adanya fungsi-fungsi Lembaga di dalam Seksyen 5 ini. Ada beberapa perkara kecil-kecil masih hendak dijalankan oleh pihak Lembaga misalnya di dalam perkara (k) ataupun perkara (m). Di dalam Seksyen 5 (2) (m) ada menyebut:

"membeli atau selainnya memperolehi atau membina, dan menyenggara serta mengendalikan, segala cara dan alatan untuk menambat, memuat dan memungkah vesel;"

Jadi perkara ini sepatutnya tidak dilakukan oleh Lembaga sebagaimana pelabuhan-pelabuhan lain perkara kecil-kecil ini dilakukan dengan secara kontrak. Dengan secara kontrak ini bukan sahaja boleh meringankan beban kepada pihak Lembaga ini tetapi boleh memberi pekerjaan atau boleh mewujudkan sesuatu kegiatan kepada bumiputra tempatan di situ untuk menjalankan perniagaan di dalam perkara ini. Kerana di dalam perkara-perkara yang senang seperti itu menambat, memungkah alat-alat dan kargo ini adalah lebih baik dijadikan secara kontrak yang akan mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada pelabuhan ini.

Itulah beberapa perkara yang patut diambil perhatian. Banyak lagi fungsi-fungsi yang ada di sini, perkara-perkara yang patut dijalankan oleh bumiputra dan patut diambil perhatian supaya dapat mewujudkan lebih banyak pekerjaan dan lebih memberi nikmat kepada penduduk tempatan sebagaimana wakil daripada Sarawak telah menyebut supaya pembangunan yang ada ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada orang lain tetapi kepada penduduk tempatan. Jadi segala perkara-perkara kerja-kerja kecil ini patut dijalankan dengan secara kontrak kerana banyak pelabuhan-pelabuhan macam Pelabuhan Kelang dan juga Pulau Pinang dan juga beberapa pelabuhan lain menjalankan kerja kecil ini dengan secara kontrak.

Akhir sekali saya menyokong Wakil dari Kuala Lumpur Bandar minta supaya Ahli Lembaga dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding ini dilantik daripada orang-orang yang benar-benar berkebolehan yang berpengalaman dengan pelabuhan dan kapal-kapal tetapi bukan daripada DAP dan juga Pembangkang. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Setapak.

4.49 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun hendak mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu 1980.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membaca butiran muka surat 62:

“HURAIAN

Di bawah butiran 15 Senarai IIA (Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak) dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan pelabuhan dan tempat vesel berlabuh adalah perkara-perkara Negeri. Bagaimanapun, butiran itu juga memperuntukkan bagi pelabuhan dan tempat vesel berlabuh di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak diisytiharkan menjadi persekutuan melalui atau mengikut Undang-undang Persekutuan. Berikutan dengan peruntukan ini, Akta Perisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 1979 (kemudian dari ini disebut “Akta ibu”).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Muka surat berapa Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Muka surat 62.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam butiran berapa?

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap ini berkenaan dengan dasar atau berkenaan dengan butir secara mendalam atau detail. Sebab kita sekarang masih bercakap berkenaan dengan dasar dahulu, selepas itu baharu kita masuk dalam fasal-fasal, kita akan rundingkan perkara butir-butir yang lebih mendalam.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya membaca ini sebagai sokongan saya kepada masalah butir-butir yang ada tersebut di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, tetapi tolong tumpukan kepada dasar dahulu.

Tuan Haji Mohd Idris bin Haji Ibrahim: Ya. Ini cuma saya hendak bacakan butirnya: “. . . .telah diluluskan dan oleh yang demikian Rang Undang-undang ini adalah perlu berbangkit dari Akta itu. Akta itu membuat peruntukan bagi Menteri menetapkan suatu kawasan di Daerah Bintulu dalam Bahagian Keempat Negeri Sarawak

sebagai pelabuhan Persekutuan yang akan dikenali sebagai Pelabuhan Bintulu. Sebaik sahaja kawasan itu diisytiharkan sedemikian, tanggungjawab bagi pembangunan dan kemajuan pengawalan dan pentadbiran kawasan itu hendaklah berpindah dan terletak-hak pada Kerajaan Persekutuan.

Oleh yang demikian Rang Undang-undang ini bertujuan menubuhkan Lembaga Pelabuhan Bintulu yang sekarang ini akan mengambil tanggungjawab Kerajaan Persekutuan bagi pembangunan dan kemajuan, pengawalan dan pentadbiran Pelabuhan Bintulu itu termasuk pengendalian dan pengenggaraannya.”

Saya membaca ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab tadi saya terdengar wakil dari Sarawak minta supaya kawasan Pelabuhan Bintulu ini agar menjadi ibu negeri Sarawak maka sebab itulah saya ingin hendak menegur bahawasanya kawasan Bintulu ini sekarang adalah hak kepunyaan Kerajaan Persekutuan. Jadi saya tidak bersetuju dengan cadangan beliau supaya kawasan Pelabuhan Bintulu ini agar menjadi ibu negeri Sarawak. Ini hendak membetulkan supaya tidak timbul salah faham apabila sesuatu kawasan itu telah diperuntukkan untuk Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan akan membangunkan kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum kawasan Pelabuhan Bintulu ini dimajukan ialah kerana setelah kita dapat masalah LNG yang bakal hendak dieksporthan dan juga masalah minyak dan sebagainya. Dan tentulah Kerajaan kita telah lama beruraura hendak membangunkan kawasan Bintulu dan peruntukan-peruntukan telah disediakan dan pada ketika ini dalam bidang pelaksanaan. Jadi pelaksanaan ini merupakan satu projek Federal—Kerajaan Persekutuan.

Untuk kita membangunkan kawasan yang sebegini besar dan untuk masa jangka panjang, sukacitalah saya mencadangkan beberapa perkara demi untuk pembangunan kawasan ini. Tadi kita telah mendengar beberapa keadaan yang tidak sihat pada ketika ini wujud di kawasan Pelabuhan Bintulu. Daripada teguran-teguran, daripada keadaan-keadaan suasana yang tidak sihat misalnya kenaikan harga barang-barang secara artificial dan sebagainya dan keadaan

di situ yang terlampau mahal daripada tempat-tempat yang biasa ditakuti pembangunan Pelabuhan Bintulu ini akan tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sesuatu pelabuhan adalah memakan perbelanjaan yang besar dan kita tidak mahu pembangunan Pelabuhan Bintulu ini dibebankan semata-mata kepada Kerajaan Pusat. Kita berkehendakkan pembangunan di kawasan Bintulu ini ramai pihak-pihak swasta antarabangsa yang mempunyai pengalaman sama-sama mengambil bahagian supaya pembangunan Pelabuhan Bintulu dapat bergerak sejar dan mendapat sambutan yang baik daripada segi pembangunan dan pengunaan modal yang ada minat dalam pembangunan pelabuhan ini mengambil bahagian daripada awal-awal lagi dalam bentuk pembangunan Pelabuhan Bintulu.

Dalam perkara inilah saya mencadangkan, mohon kepada Kerajaan Pusat supaya kawasan yang telah diperuntukkan bagi Pelabuhan Bintulu ini diisytiharkan sebagai kawasan bebas (free port). Yang kedua kawasan ini juga diisytiharkan bebas daripada campurtangan politik tempatan, ini mustahak. Sebab campurtangan politik tempatan, kalau kita ada jaminan yang kawasan ini bebas saya percaya penanam modal (investors) daripada negara lain akan mudah masuk. Saya mencadangkan supaya sistem pembangunan Pelabuhan Bintulu ini serupa keadaan Hongkong sekarang menjadi pintu masuk kepada segala ruangan perniagaan untuk Sabah dan Sarawak dan juga menjadi satu kawasan perniagaan yang bebas yang tidak menggalak ramai orang mengambil bahagian daripada awal-awal lagi dan juga dengan adanya penyertaan antarabangsa Pelabuhan Bintulu ini menjadi tempat persinggahan kapal-kapal antarabangsa. Jadi, kalau kawasan ini dapat jaminan sedemikian, saya percaya masalah yang dihadapi untuk memodali pembangunan kawasan Pelabuhan Bintulu ini akan terjamin dan dapat dilaksanakan mengikut Jadual.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga Lembaga Pelabuhan ini membuat kajian lebih mendalam menyiasat ataupun pergi melawat sendiri orang-orang yang bertanggungjawab untuk membangunkan Pelabuhan Bintulu ini melihat pelabuhan-pelabuhan yang lain yang telah maju misalnya di Holland, bagaimana

sebuah pelabuhan yang terbesar. Pelabuhan ini menjadi besar bukan kerana pembangunan yang dibuat oleh Kerajaan negara itu tetapi pelabuhan ini menjadi besar ialah kerana penyertaan peniaga-peniaga yang besar syarikat-syarikat perkapalan yang besar-besar di dalam dunia ini menempatkan gudang-gudang mereka, mengadakan pejabat-pejabat mereka di sana maka sebab itulah pelabuhan itu menjadi besar. Jadi, kalau sistem pelabuhan ini kita isytiharkan menjadi satu kawasan yang bebas—bebas daripada pergolakan politik, bebas daripada cukai dan sebagainya, saya percaya hasrat kita hendak menjadikan Bintulu sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa sama setanding dengan Hongkong dan Singapura akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, elok juga kita isytiharkan daripada sekarang supaya rakyat Sabah ataupun Sarawak memahami hakikat ini bukan tujuan kita hendak merampas hak mereka ataupun hendak membelakangkannya. Tujuan kita semata-mata hendak membangunkan negeri Sarawak, dengan pertolongan dan anjuran bersama daripada Kerajaan Persekutuan. Kalau kawasan ini dibebaskan, tidak ada pilihanraya semata-mata hak Kerajaan Pusat, saya percaya kawasan ini akan terus menjadi perhatian ahli-ahli perniagaan yang besar-besar di seluruh dunia, mereka akan sama-sama menanam modal untuk membangunkan Pelabuhan Bintulu.

Perisytiharan sebagai pelabuhan yang bebas daripada sekarang sebagai free port juga dengan tersendirinya kita akan menolong mengurangkan harga-harga yang mahal yang ada di dalam negara kita dan perisytiharan sebagai free port pada pandangan saya dalam bentuk pembangunan merupakan satu subsidi Kerajaan Pusat bagi kawasan itu sendiri dalam bentuk subsidi pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan-pandangan saya dan ini perlu mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri Sarawak sekarang daripada awal-awal lagi supaya susunan yang akan dibuat bagi pembangunan Pelabuhan Bintulu ini difahami dan dapat dipersetujui oleh Kerajaan Sabah dan Sarawak untuk jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum wujudnya Pelabuhan Bintulu bukanlah kerana politik, tetapi ialah berdasarkan kepada commercial viability, pembangunan

di sebelah negeri Sabah dan Sarawak. Kalau ini asasnya dan setelah kita memahami Akta ibu tadi maka saya menyokong penuh penubuhan Lembaga Pelabuhan Bintulu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.02 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun memberi sokongan di atas Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu 1980 yang telahpun dibentangkan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan semalam.

Kita sungguh berasa bangga kerana akan wujudnya satu lagi pelabuhan yang kita agak boleh jadi jenis antarabangsa di dalam negara kita dan berpusat di Sarawak dan mungkin juga pelabuhan ini kita tidak boleh jadikan sebagai satu pusat seperti Hongkong ataupun Rotterdam dan sebagainya kerana kita tahu Bintulu itu adalah dari segi lokasinya tak begitu strategik, hanya yang wujudnya pelabuhan ini kerana timbulnya gas asli cecair (LNG). Dengan adanya itu timbulnya perasaan hendak mewujudkan satu pelabuhan yang agak besar supaya pengeluaran LNG ini boleh disalurkan dengan begitu mudah. Tetapi oleh kerana LNG ini adalah satu gas yang agak merbahaya, sebelum pelabuhan itu diwujudkan atau sedang diwujudkan pada hari ini saya inginlah memberi sedikit amaran kepada Kementerian kerana kita berurusan dengan gas ini adalah satu perkara yang merbahaya, kalau boleh janganlah tempat itu berhampiran sangat dengan tempat gali gas kerana mungkin bahaya kebakaran akan berlaku kerana berhampiran dengan jeti-jeti LNG sedangkan di Port Kelang yang begitu jauh daripada gas cecair dan sebagainya telah berlaku kemalangan. Maka dari segi pembinaan jeti-jeti pelabuhan ini perlulah diawasi daripada mula-mula lagi, itu sangat penting dan mustahak. Kita tidaklah berkehendak pelabuhan kita di Kelang terbakar, pelabuhan kita di Bintulu kemudian hari terbakar, ini adalah satu perkara yang sungguh kita minta supaya dijauhi Allah subhanahu wa taala jangan berlaku.

Kita percaya bahawa pelabuhan itu akan menelan wang negara yang beratus juta ringgit, maka adalah menjadi kewajipan

Lembaga ini supaya Pelabuhan Bintulu ini memberikan satu impact yang baik, khususnya dari segi pembangunan sosio rakyat Malaysia, khasnya rakyat di kawasan Sarawak dan Sabah kurang sangat pembangunan jenis ini. Dengan adanya Lembaga ini kita percaya pembangunan akan pesat dengan adanya pelabuhan yang begitu besar. Di samping itu kita berharap juga supaya segala kegiatan pelabuhan ini, peluang-peluang perniagaan, peluang-peluang mencari makan kepada kaum-kaum bumiputra, khususnya di Sarawak dan Sabah mestilah diberi keutamaan dari segi memberi pekerjaan, memberi kemudahan ataupun memberi peluang-peluang stevedoring dan sebagainya. Ini adalah penting dan mustahak.

Satu lagi yang saya perlu memberi ingatan kepada Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa pelabuhan ini akan wujud di sana dan kita berharap perkara yang telah berlaku di Kuantan tidak akan berulang dan berlaku lagi di Bintulu. Ini mungkin juga di mana salah dan di mana silapnya, saya tahu pihak Kerajaan masih lagi menyasiat masalah Kuantan. Adalah lebih awal ataupun masanya sesuai pada masa sekarang ini pihak Kementerian melihat bahawa consultants yang diberi peluang mendapat pekerjaan mengawasi perjalanan pembangunan pelabuhan ini mestilah diawasi dengan semasak-masaknya, janganlah bahawa mereka itu consultant mereka tahu semua. Kadang-kadang ada kalanya consultant ini lebih baik yang tak consultant di dalam negara kita sendiri.

Saya dapat tahu juga bahawa kerja ini diberi kepada consultant tetapi peranan Jabatan Kerja Raya begitu penting sekali dalam memajukan pelabuhan ini. Di samping memberi kerja kepada consultant, pihak JKR juga memberi pengawasan, melihat supaya kerja-kerja itu berjalan dengan baik dan sempurna. Ini mungkin juga kerana banyak tugas-tugas JKR pada hari ini, workload begitu banyak sekali yang diberi oleh Kerajaan kepada mereka. Kalau boleh beban yang ditanggung oleh Kerajaan melalui JKR ini melihat kerja-kerja consultant ini sempurna dan teratur patut dikurangkan dan apa juga consultant yang diberi mestilah mereka bertanggungjawab untuk kesempurnaan di atas pembinaan pelabuhan ini. Janganlah apabila siap pelabuhan itu, belum digunakan,

kita dapati retak di sana, retak di sini yang mana seperti yang berlaku di Kuantan macam saya katakan tadi, janganlah pisang berbuah dua kali. Pelajaran yang kita dapati di Kuantan itu adalah satu pelajaran yang baik. Pihak Kementerian patutlah memberi pemikiran yang serius di atas apa yang berlaku di Kuantan itu jangan pula berulang di Bintulu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat faham tanah di Bintulu ini bukanlah tanah yang begitu baik ataupun kejut sangat kerana saya mendapat faham di Bintulu kerana ada ura-ura hendak datangnya pelabuhan ini ada sebuah hotel baru sahaja dibangunkan dan hotel itu baru dipakai oleh orang ramai. Kononnya, hotel itu sekarang ada terdapat retak di sana, retak di sini dan ini juga mungkin keadaan tanah di situ tidak begitu sesuai. Maka di sini saya ingin memberi pandangan bahawa peranan yang dimainkan oleh consultant di tempat ini adalah sangat penting dan mustahak dan pihak Kementerian kenalah beri seserius-seriusnya pandangan di atas kerja-kerja consultant yang selama ini kita tengok tugas consultant hanya mendapat upah semata-mata, tetapi kesempurnaan kerja itu kurang benar diberi perhatian oleh mereka semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat yang disarankan oleh sahabat saya dari Pasir Puteh berkenaan dengan Fasal 4—Keanggotaan Lembaga. Saya juga bersetuju dengan beliau bahawa seorang Pengerusi yang hendak menjadi Pengerusi Lembaga ini janganlah dilantik oleh Menteri sahaja, adalah lebih baik Pengerusi, Timbalan Pengerusi patut dimasukkan sama dan Pengurus Besarnya mestilah dilantik oleh Agong kerana saya tengok apa yang dijalankan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji iaitu Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Pengurus Besarnya dilantik oleh Agong. Badan yang seperti ini adalah menjalankan satu tugas yang begitu berkesan sekali kepada negara kita ini. Itu patutlah dijadikan sebagai contoh kepada badan-badan yang lain, termasuklah Lembaga Pelabuhan Bintulu ini. Kalau kita beri peluang kepada Menteri bukanlah Menteri tak berhak melantik, Menteri boleh syorkan nama-nama tetapi kuasa mutlak hendak melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusinya dan Pengurus Besarnya mestilah berada di dalam tangan Agong sendiri kerana seperti yang saudara

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pangkat Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong itu hendaklah dihormati. Agong sahaja tidak ada makna.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Kuasa ini mestilah berada pada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kerana lantikan itu tidak berbau politik dan sebagainya dan Kebawah Duli memanglah selayak-layaknya memberi lantikan ini, bukanlah sepertimana yang dirancangan di dalam Perlembagaan ini iaitu Menteri mempunyai kuasa penuh melantik kerana maklumlah seperti kata sahabat saya dari Setapak tadi kita mintalah segala lantikan segala urusan Lembaga Pelabuhan Bintulu ini jangan ada berbau politik kerana apa juga kalau berbau politik mungkin ada masalah-masalah akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak itulah pandangan-pandangan saya di atas wujudnya Lembaga Pelabuhan Bintulu ini dan pada keseluruhannya saya menyokong sepenuhnya di atas wujudnya Lembaga ini dan saya juga berdoa supaya Lembaga ini akan menjadi satu Lembaga yang lebih baik daripada Lembaga-lembaga yang telahpun ada, sunguhpun Timbalan Menteri kata adalah sama dengan lembaga-lembaga yang lain, biarlah lembaga yang wujud pada tahun 1980 ini adalah satu lembaga yang lebih berkesan, yang lebih dinamik, yang lebih bermakna kepada negara kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.12 ptg.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pengangkutan izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil peranan yang cergas dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Saya merasa amat gembira bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyertai perbahasan ini termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pun telah dicatatkan oleh pegawai-pegawai Kementerian saya dan saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa cadangan-cadangan, syor-syor, pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi pertimbangan berat oleh Kementerian saya.

Di sini izinkan saya cuma menjawab beberapa perkara yang mustahak yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson, Kuala Lumpur Bandar, Ulu Muda dan sebagainya telah mengesyorkan dan mencadangkan bahawa Kementerian belajar dari pengalaman pembinaan Pelabuhan Kuantan supaya apa yang berlaku di Pelabuhan Kuantan tidaklah berulang di Pelabuhan Bintulu.

Di sini saya hendak mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada mereka atas nasihat ini dan menjelaskan bahawa Kementerian telah menganalisa pengalaman Pelabuhan Kuantan dengan mendalam, masalah-masalah, kelemahan-kelemahan di Kuantan semuanya telah diidentifikasi dan dengan laporan dan kajian teknik yang telah dibuat oleh pakar perunding Sir Bruce White and Partners, Kementerian sekarang dapat menentukan siapa yang salah dalam pembinaan Pelabuhan Kuantan. Oleh yang demikian Kementerian berazam bahawa apa yang berlaku di Pelabuhan Kuantan tidak diulangi di Pelabuhan Bintulu. Oleh yang demikian Kementerian telah mendapat kelulusan agensi-agensi pusat menubuhkan suatu unit pengurusan, suatu management unit yang besar sekali ditempatkan di Kementerian Pengangkutan sendiri, dipimpin oleh seorang Jurutera Kanan yang disecondkan kepada unit ini daripada Jabatan Kerjaya Sarawak dan unit ini mengawasi semua pembinaan, semua kerja yang berjalan di Pelabuhan Bintulu baikpun kerja consultant mahupun kerja kontraktor.

Selain daripada unit yang besar ini, Kementerian pun telah lebih awal melantik Pengurus Besar untuk Pelabuhan ini, walaupun Pelabuhan ini belum siap disediakan. Kementerian berpendapat bahawa kami perlu seorang Pengurus Besar yang akan menguruskan pelabuhan ini faham dan mengambil bahagian

dalam proses pembinaan di Pelabuhan Bintulu. Dengan Rang Undang-undang ini selepas diluluskan oleh Dewan yang mulia ini Kementerian akan dengan serta-merta melantik ahli-ahli Lembaga Bintulu ini supaya Lembaga ini dapat menolong bukan sahaja pengurusan pelabuhan apabila siapnya pelabuhan, tetapi menolong Kementerian dalam proses pembinaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, beberapa jawatankuasa yang boleh kata high powered sekali pada peringkat pegawai di mana pegawai-pegawai tinggi dari Kerajaan Pusat dan dari Kerajaan Sarawak menyertainya. Selain daripada itu ada suatu jawatankuasa yang paling high powered iaitu satu jawatankuasa yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Menteri Pengangkutan dan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sebagai anggotanya. Jadi semua kerja, semua perkara yang ada kaitan dengan Pelabuhan Bintulu diawasi oleh jawatankuasa yang sebegitu high powered dan dalam Kerajaan semua agensi-agensi Kerajaan telah diberitahu bahawa apa perkara yang ada kaitan dengan pelabuhan Bintulu, apa fail yang dimark "Pelabuhan Bintulu" haruslah diberi priority yang paling tinggi sekali memandangkan begitu pentingnya projek yang dijalankan sekarang.

Saya hendak memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang merasa bimbang sedikit tadi bahawa semua langkah yang perlu telah diambil supaya apa yang berlaku di Kuantan dapat dielakkan di Bintulu sebab kos kegagalan di Bintulu tidak dapat dibandingkan dengan kos kegagalan di Kuantan memandangkan apa yang terlibat di Bintulu ialah LNG, suatu benda yang begitu bernilai.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat ada sebut harga barang-barang dan kos penghidupan yang begitu tinggi di Bintulu. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak dapat dielakkan walaupun pihak yang berkenaan telah mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya mengurangkan inflasi dan sebagainya yang berlaku di kawasan Bintulu kerana proses pembangunan di Bintulu itu sangatlah cepat sekali, semalam hutan hari ini ada

satu pekan yang begitu aktif dan besok suatu pelabuhan antarabangsa. Jadi semua berlaku dalam tempoh yang singkat. Oleh yang demikian inflasi itu tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, agensi paling relevant dalam konteks ini iaitu Bintulu Development Authority pun ada rancangan membina lebih banyak rumah-rumah, memudahkan perbekalan makanan dan sebagainya di Bintulu supaya kos dapat dikawalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telah menyebut soal lapanganterbang. Kementerian saya sedar bahawa lapanganterbang yang ada sekarang sangatlah kecil maka oleh yang demikian kami pun telah memohon peruntukan dan peruntukan juga telah diluluskan untuk satu lapanganterbang terbesar sekali bagi Bintulu. Kerja-kerja projek itu sekarang untuk mencari tapak yang sesuai sekali sedang dijalankan dan lapanganterbang itu apabila siap kelak akan dapat mengendalikan pesawat-pesawat besar termasuklah Airbus dan oleh kerana suatu lapanganterbang baru diperlukan kalau dapat diselaraskan dengan pembukaan pelabuhan itu, kerja pembinaan itu akan dibuat secara berperingkat. Peringkat pertama dijadualkan selesai pada tahun 1983 dan peringkat kedua pada tahun 1985. Jadi inilah rancangan untuk melengkapkan Bintulu dengan kemudahan-kemudahan yang sesuai seperti lapanganterbang yang besar.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar pun telah menyuarakan tentang tenure ahli-ahli Lembaga Pelabuhan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu tempoh keahlian pun telah ditetapkan dalam Rang Undang-undang ini di muka surat 59 dalam teks Bahasa Malaysia. Sebenarnya tiap-tiap Ahli Lembaga memegang jawatannya selama satu tahun, tentang tempoh Pengerusi memegang jawatannya adalah tertakluk kepada budi-bicara Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan perkhidmatan Pengurus Besar dan kakitangan lain, mereka dikawal oleh peraturan pentadbiran yang biasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kangar pun telah mengatakan bahawa pelabuhan ini dapat membawa Malaysia Barat dan Malaysia Timur lebih dekat. Ini tentulah hasrat kerajaan Persekutuan. Berkenaan kemungkinan mengadakan pelabuhan di Kuala Perlis, saya ingin menjelaskan bahawa perkara ini sentiasa dalam perhatian dan pertimbangan Kementerian Pengangkutan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengesyorkan bahawa akaun-akaun Lembaga ini patut dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini sudah ada provision untuk membentangkan akaun-akaun di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Berkenaan dengan perlantikan Ahli-ahli Lembaga, saya boleh memberi jaminan bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tentulah akan melantik orang-orang yang sesuai, layak, dan berkualiti untuk menyertai Lembaga yang berkenaan.

Tentang syor Ahli Yang Berhormat supaya penyertaan diberikan pertimbangan kepada orang dari Sarawak menyertai Lembaga Pelabuhan Bintulu, Kementerian saya akan mengambil perhatian. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah mengesyorkan satu jabatan untuk pelabuhan dan perkapalan ditubuhkan di Kementerian Pengangkutan. Izinkan saya melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa syor ini bukan satu syor yang baru. Sebenarnya kami mengkaji kemungkinan mengadakan jabatan tersebut dengan aktifnya.

Tuan Yang di-Pertua, tentang cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain serta Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tentang latihan kakitangan, Kementerian saya akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan Ulu Muda telah menyuarakan tentang perlantikan Pengerusi Lembaga Pelabuhan Bintulu, Kenapa Rang Undang-undang ini memberi peruntukan bahawa perlantikan itu dibuat secara langsung oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, izinkan saya melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini telah dikaji dengan teliti oleh Kerajaan memandangkan bahawa badan-badan berkanun dan badan-badan kerajaan yang lain

di Malaysia telah bertambah, jadi Kerajaan berpendapat bahawa untuk jangan menambatkan beban Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, peruntukan untuk melantik Pengerusi itu dibuat secara langsung oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Jadi saya hendak menjelaskan di sini bahawa Yang Berhormat Menteri tentulah akan membuat perlantikan ini selepas rundingan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga menyoal kenapa ada provision di mana Pengurus Besar boleh memegang jawatan Pengerusi. Ini bukan satu provision yang baru. Provision yang sama pun ada dalam Port Authorities Act, 1963. Walau bagaimanapun, saya boleh memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tentulah akan menggunakan kuasanya di bawah provision ini dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga mengesyorkan supaya Artikel (11) (3) ini dibatalkan. Jawatankuasa Perundangan ini cuma satu Jawatankuasa yang memberi nasihat kepada Lembaga Pelabuhan dan kepada Kementerian. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukanlah satu perkara yang besar.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ahli Yang Berhormat dari Setapak ada mengatakan bahawa Bintulu sekarang telah diisytiharkan sebagai satu kawasan Persekutuan, jadi tidaklah sesuai kalau Bintulu dijadikan ibu kota bagi negeri Sarawak,

Di sini saya hendak jelaskan bahawa cuma kawasan tertentu iaitu kawasan di dalam pelabuhan sahaja diisytiharkan sebagai kawasan Persekutuan, sebagai harta Persekutuan. Jadi di luar kawasan ini misalnya pekan Bintulu adalah di bawah kuasa negeri Sarawak dan soal memilih pekan Bintulu atau tempat lain sebagai ibu kota negeri Sarawak adalah satu perkara di bawah tanggungjawab negeri Sarawak sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak mengesyorkan supaya Bintulu diisytiharkan sebagai satu pelabuhan bebas (free port) seperti Hongkong dengan tujuan menarik orang ramai dari luar negeri datang bukan sahaja untuk berniaga bahkan untuk tujuan-tujuan yang lain.

Saya mengucapkan terima kasih kepada syor Ahli Yang Berhormat dan syor ini akan dirujukkan kepada agensi yang berkenaan iaitu Perbendaharaan untuk pertimbangannya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit sebanyak ulasan saya tentang hujah-hujah dan teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan kalau ada perkara yang dibangkitkan yang belum dijawab, saya beri jaminan bahawa perkara-perkara tersebut telah dicatatkan dan akan dikaji dan diberi perhatian berat oleh Kementerian saya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 93 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PROBET DAN PENTADBIRAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.38 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menca-

dangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Mengikut peruntukan Akta Probet dan Pentadbiran 1959 apabila seseorang meninggal dunia tanpa meninggalkan surat wasiat maka mana-mana orang bolehlah memohon untuk mentadbirkan harta pesaka si mati itu. Surat mentadbir pesaka boleh juga diberi kepada seseorang pentadbir pesaka jika wasiat yang ditinggalkan oleh si mati itu tidak boleh dikuatkuasakan.

Mengikut seksyen 35 Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 tiada sekuriti atau jaminan dikehendaki berkenaan dengan pentadbiran harta pesaka si mati sekiranya nilai kasar harta pesaka itu tidak melebihi \$10,000. Ini bermakna di dalam tiap-tiap kes di mana si mati meninggalkan harta pesaka tidak melebihi \$10,000 nilai kasar, surat mentadbir pesaka akan diberi kepada Pentadbir Pesaka tanpa apa-apa sekuriti. Bagi harta pesaka yang melebihi \$10,000 nilai kasar, sekuriti atau jaminan adalah wajib sebelum surat kuasa diberi kepada Pentadbiran Pesaka melainkan pihak Mahkamah Tinggi telah memberi kebenaran yang sekuriti tidak dikehendaki.

Memandangkan amaun ini telah diluluskan dalam tahun 1959 iaitu 20 tahun yang lalu, maka adalah difikir wajar dan berpatutan yang amaun ini sebanyak \$10,000 dinaikkan ke \$50,000. Pindaan yang dicadangkan ini adalah perlu memandangkan banyaknya kes-kes yang dibawa ke Mahkamah yang mana nilai kasar harta pesaka si mati melebihi \$10,000. Ini menimbulkan kesusahan kepada Pentadbir-pentadbir Pesaka yang perlu mendapat penjamin-penjamin yang mempunyai harta ternilai dengan harta pesaka si mati sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 35 Akta Probet dan Pentadbiran, 1959.

Dengan kenaikan amaun dari \$10,000 ke \$50,000 bermakna Pentadbir-pentadbir Pesaka tidak lagi bersusah payah mencari penjamin-penjamin untuk memenuhi keperluan Seksyen 35 Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah satu Rang Undang-undang bernama Satu Akta untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 dibacakan kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk perbincangan.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak.

5.43 ptg.

Tuan Kamaluddin bin Maamor (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran, 1959.

Sungguhpun saya mengalu-alukan pindaan kepada Seksyen 35 (1) (b) Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 ini yang bertujuan menaikkan amaun kepada \$50,000 bagi nilai harta pesaka yang tidak memerlukan apa-apa sekuriti atau jaminan kepada Pentadbir Pesaka, namun saya masih ragu-ragu lagi yang pindaan ini tidak mendatangkan manfaat kepada golongan besar rakyat di negeri ini memandangkan yang nilai harta yang begitu tinggi pada masa ini dan nilai harta masih meningkat dengan cepatnya dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh harga sebuah rumah berderet satu tingkat di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar besar di dalam negara ini bernilai lebih dari \$50,000. Jika seorang pemilik rumah sederhana ini meninggal dunia maka waris-waris beliau itu akan dibebankan dengan terpaksa mencari 2 penjamin yang mempunyai nilai harta yang lebih daripada nilai harta pesaka si mati yang boleh diterima oleh Mahkamah Tinggi sebelum surat mentadbir harta pesaka tersebut dapat dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, dari pengalaman saya adalah paling sukar bagi warisnya mendapatkan 2 penjamin yang diperlukan oleh Mahkamah Tinggi yang mempunyai nilai harta yang lebih dari nilai harta si mati yang melebihi \$50,000 oleh kerana beberapa sebab. Di antaranya ialah:

(1) Tiada seorangpun melainkan kawan karib si mati atau saudara mara yang sanggup menjadi penjamin;

(2) Jika ada penjamin yang bersetuju menjadi penjamin, kebanyakan dari mereka tidak mempunyai harta atau tidak layak menjadi penjamin oleh kerana sungguhpun harta mereka bernilai lebih dari harta si mati, harta tersebut masih dalam cagaran kepada Institusi kewangan bagi cagaran pinjaman perumahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa di bawah seksyen 35 (2) Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa bagi megurangkan jumlah penjamin, mengurangkan amaun bon ataupun mengecualikan tetapi dari segi praktikalnya kebenaran Mahkamah Tinggi bagi mengurangkan penjamin, amaun bon atau mengecualikan tidak begitu mudah diperolehi.

Saya juga tidak menafikan yang jaminan atau sekuriti tidak dikehendaki jika sekiranya harta tersebut diambil oleh Pemegang Amanah Raya atau Pentadbir Pesaka Awam tetapi berapa banyakkah rakyat yang tahu akan wujudnya Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pentadbiran Harta Pesaka yang boleh menolong mereka mengambil kuasa bagi pihak mereka. Kebanyakan rakyat sama ada di kampung-kampung atau di bandar tidak tahu wujudnya Jabatan ini yang boleh mengambil kuasa bagi mentadbir harta pesaka si mati. Jadi dengan kesukaran mendapatkan penjamin-penjamin yang diperlukan dan kurangnya pengetahuan berkenaan dengan Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pentadbir Harta Pesaka yang boleh menolong mereka maka banyak kuasa Pentadbir Harta Pesaka yang terbenakalai begitu sahaja bertahun-tahun.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah ini, saya mencadangkan:

- (1) Kementerian ini hendaklah menyemak dari semasa ke semasa agar amaun \$50,000 nilai harta pesaka yang tidak memerlukan sekuriti atau jaminan dinaikkan dari masa ke semasa mengikut kenaikan nilai harta pasaran;
- (2) Kementerian hendaklah mengkaji bagi meminda seksyen 35 (2) Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 agar menyenangkan waris-waris mendapat pengecualian dari Mahkamah Tinggi berkenaan dengan penjamin-penjamin jika sekiranya mereka tidak boleh mengadakan 2 penjamin yang dikehendaki bagi harta

pesaka yang bernilai lebih dari \$50,000. Bagi tujuan ini saya mencadangkan agar Mahkamah Tinggi boleh diberi kuasa dalam Akta ini bagi pengecualian dengan memadai sahaja Pentadbir-pentadbir menandatangani personal bond sahaja.

- (3) Kementerian ini hendaklah memberi penerangan yang luas ke seluruh negeri termasuk bandar-bandar kecil, estet-estet dan kampung tradisional Melayu bagi mengenalkan Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pentadbir Harta Pesaka yang boleh menolong waris-waris si mati bagi mengambil kuasa dengan bayaran perkhidmatan yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sukacita saya juga menarik perhatian Kementerian ini agar meminda Seksyen 37A seksyen-kecil (5) Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 yang berbunyi:

(Dengan izin) "Unless the Registrar in any particular case otherwise orders, no security shall be required where the gross value of the estate does not exceed \$10,000 except where the person for whose use and benefit the grant is made is a minor".

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kalau mengikut Peraturan Mesyuarat 36 tidak boleh dicadangkan perkara ini kerana tidak ada dalam pindaan ini tetapi saya ingat bagi faedah orang ramai boleh diteruskan.

Tuan Kamaluddin bin Maamor: Tuan Yang di-Pertua, amaun \$10,000 yang terdapat dalam sub-section ini sepatutnya dinaikkan kepada \$50,000 selaras dengan pindaan seksyen 35 (1) (b) yang saya sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.49 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini di samping saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini telah wujud dalam Dewan Rakyat pada hari ini.

Saya berpendapat sepatutnya Rang undang-undang ini telah dipinda lebih dahulu daripada sekarang kerana apa yang dicadangkan iaitu dinaikkan taksiran kepada \$30,000 pada

pendapat saya kalau dikaji dengan harga pasaran, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Hilir Perak tadi dari masa ke semasa patut dipinda.

Pada pendapat saya daripada sekarang lagi kadar itu tidak berpatutan. Sebab saya masih ingat lagi misalnya dia contohkan tadi rumah. Saya beri contoh tanah di negeri saya walaupun boleh dikatakan jauh daripada tanah yang dikira kaki macam di Kuala Lumpur ini, itupun boleh dikatakan sekeping tanah kalau dahulu seekar di pekan Kangar berharga \$25, tetapi hari ini sampai \$50,000. Saya tidak tahu berapa kali ganda kenaikan ini. Kalau dinisbahkan \$10,000 dinaikkan kepada \$50,000 maknanya lima kali ganda. Kalau dipandang pada segi keadaan pasaran yang naik, ini tidak begitu menasabah. Jadi kalau boleh Timbalan Menteri yang berkenaan naikkan \$100,000 terus itu lagi menasabah dengan keadaan, itupun kalau hendak dikira tidak menasabah juga dengan keadaan yang 21 tahun sejak tahun 1959 sampai ke tahun 1980 maknanya kita pinda di sini selepas 21 tahun. Saya fikir tidak menasabah. Itupun kalau boleh, kalau tidak boleh terpujanglah kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sangat dengan keadaan ini kerana kadang-kadang banyak pesaka-pesaka yang terpaksa dicari saksi dan sebagainya tidak boleh selesai, sedangkan perkara yang tidak payah dicari saksipun tidak boleh diselesaikan. Kita sama-sama tahu, kerap kali orang bergaduh di antara satu dengan lain boleh jadi di antara satu bangsa dengan satu bangsa, tetapi kita tidak boleh nafi banyak pergaduhan yang berlaku di antara keluarga, abang adik, bapa saudara dengan anak saudara yang tidak patut bergaduh kerana mereka ini datang dari titisan darah yang satu, tetapi bergaduh disebabkan pesaka ini tidak dapat diselesaikan, bertindih-tindih sampai 20 tahun 30 tahun tidak dapat diselesaikan. Saya berharap sangat dengan adanya Rang Undang-undang yang baru ini terutama bagi negeri Perlis kalau boleh segala pembicaraan yang diadakan di Alor Setar patutlah dibicarakan di Perlis kerana banyak kes yang tidak selesai.

Satu lagi mengenai pegawai yang tidak mencukupi. Kalau bagaimana baik sekalipun undang-undang, orang yang hendak menyelesaikan perkara itu tidak ada tentulah perkara itu tidak boleh hendak dibuat. Saya haraplah terutama pegawai yang hendak

menyelesaikan perkara ini patut diadakan seberapa banyak yang boleh kerana ini satu perkara yang sering berlaku.

Selain daripada itu apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak tadi saya bersetuju sangat supaya diberi penerangan kepada umum dan kalau boleh pihak yang akan menyelesaikan perkara ini akan pergi ke daerah-daerah, janganlah dinanti di mahkamah-mahkamah yang tinggi sahaja untuk menyelesaikannya kerana kita dapati perkara ini bukan boleh diselesaikan dengan sekali gus kadang-kadang sampai 3-4 kali turun tidak boleh diselesaikan lagi.

Saya merayu dan berharap dengan adanya undang-undang ini apa yang sentiasa berlaku hari ini, dan saya percaya Timbalan Menteri pun bersetuju dengan saya, sebab tidak selesainya kes bicara kuasa ini kerana terlampau banyak dalam masyarakat kita dan ini menjadi kerugian yang amat banyak dalam masyarakat.

Misalnya kita ingin membangunkan negeri ini Kerajaan hendak menggunakan sekeping tanah, kalau tanah itu bergeran Kerajaan dapat membayar harga tanah yang bergeran tetapi kalau sekeping tanah yang kuasanya tidak dapat selesai, Kerajaan tidak dapat hendak beri kerana tidak tahu kepada siapa hendak dibayar.

Ini berlaku di tempat saya sendiri dan berlaku di merata-rata tempat. Ini banyak merugikan rakyat. Boleh dikatakan orang yang tidak patut makan harta pesaka kerana tidak selesai ini dia boleh makan kerana dengan kekuatannya dalam keluarga sendiri, boleh kata dia cengil daripada adik-adik yang lain tidak patut dia makan semua tetapi dia makan, ini membawakan dia menanggung beban, dibenci oleh masyarakat dan berdosa di segi agama Islam.

Tidak selesainya perkara ini sekarang banyak yang menjadi masalah baik kepada agama, kepada masyarakat, dan pada segi sosial hendak menolong secara kebajikan kepada orang umum, tentulah perkara ini amat perlu diselesaikan.

Dengan sebab itu sebagaimana saya katakan tadi kalau boleh saya tegaskan sekali lagi patut dinaikkan sampai ke \$100,000 dan lepas itu sebagaimana dikatakan oleh wakil dari Hilir Perak tadi mengikut keadaan patut ditambah lagi dan di samping itu pegawai-pegawai hendaklah dicukupkan, moga-moga

apa yang selalu berlaku sebagaimana saya katakan tadi banyak yang tidak selesai harta pesaka ini terutama kepada masyarakat luar bandar dan sebagainya dapat diatasi dengan terlaksananya pindaan yang dikemukakan ini. Maka dengan ini saya menyokong pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Selangor.

5.55 ptg.

Dato Michael Cheng Wing Sum (Ulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini sangatlah diperlukan menurut kepada Seksyen 31 (b) bagi Akta Probet dan Pentadbiran, 1959, security adalah perlu bagi pentadbiran harta pesaka di mana nilai hasilnya adalah melebihi daripada \$10,000.

Tujuan utama perlunya security adalah untuk menentukan hak penerimaan harta itu dapat dikawal. Pada kebiasaan ianya tidak mudah mencari seseorang untuk menjamin pentadbiran harta pesaka kerana kebanyakan hal tersebut mereka adalah kaum keluarganya dan penjamin diperlukan di dalam masa beberapa tahun sahaja. Jumlah yang ditentukan di bawah Akta ini adalah dalam tahun 1959 apa yang bernilai \$10,000 dalam tahun 1959 mungkin bernilai lebih daripada \$50,000 sekarang.

Semasa kita di dalam perkara ini, dengan izin saya suka menarik perhatian Kerajaan mengenai pentadbiran harta pesaka kecil. Mengikut Akta Harta Pesaka Kecil, permohonan bagi pentadbiran bagi harta pesaka kecil iaitu nilai harta yang tidak melebihi \$50,000 patutlah dibuat kepada Pemungut Hasil Tanah. Proses ini biasanya mengambil masa yang lama selama 5 ataupun 6 tahun dalam beberapa kes. Ini adalah oleh kerana Pemungut Hasil Tanah itu selalu sebok dan kadang-kadang permohonan-permohonan itu mungkin menjadi teknikal. Pemungut Hasil Tanah itu mungkin mendapati perkara ini susah untuk dijalankan. Oleh kerana itu kebanyakan harta pesaka kecil tidak diadakan. Saya berharap Kerajaan dapat memperhatikan masalah ini dan saya mencadangkan permohonan yang sebegini patutlah dibuat oleh Magistrate selain daripada Pemungut Hasil Tanah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.58 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Saya tidaklah bercadang hendak menjawab tiap-tiap perkara dibangkitkan dan yang mana saya tidak memberi jawapan saya akan mengambil ingatan untuk tindakan selanjutnya.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Yang Berhormat dari Ulu Selangor menimbulkan berkenaan dengan amaun \$50,000 dan mereka mencadangkan supaya amaun itu ditambah dengan lebih banyak lagi untuk menyenangkan pentadbiran harta pesaka.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini amaun \$50,000 adalah difikir dan didapati wajar. Perlu diingat bahawa security ataupun jaminan bermaksud untuk menjamin supaya harta pesaka ditadbirkan dengan baik, sempurna dan dengan amanah dan sekiranya amaun harta itu dinaikkan terlalu besar dengan tiada security maka ada risikonya iaitu harta pesaka itu tidak akan ditadbirkan dengan baik.

Bagaimanapun amaun \$50,000 ini bukanlah tetap seperti itu setiap masa. Kita boleh mengkaji lagi supaya amaun ini dari semasa ke satu masa dipertingkatkan lagi.

Mengenai dakwaan iaitu tugas Pemegang Amanah Raya tidak diketahui ramai oleh penduduk-penduduk, khasnya penduduk-penduduk kampung, sukalah saya menyatakan iaitu selama ini kita telah banyak memberitahu kepada orangramai tentang tugas-tugas yang dijalankan oleh Pemegang Amanah Raya. Dalam perkara ini juga saya akan mengambil ingatan untuk menyebarkan dengan lebih luas lagi kepada orangramai mengenai dengan kerja-kerja yang dijalankan oleh Pemegang Amanah Raya.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga meminta supaya pegawai-pegawai ditambah untuk menyelenggara dan menyelesaikan kes-kes harta pesaka. Saya akan mengambil ingatan di atas pandangan ini.

Di sini juga saya suka memaklumkan iaitu sekarang inipun kita telah memohon supaya pegawai-pegawai ditambahkan lagi dengan ramainya untuk mempercepatkan penyelenggaraan dan penyelesaian kes-kes harta pesaka.

Perlu juga saya memberitahu di sini iaitu selain daripada kekurangan pegawai ada lagi faktor-faktor yang lain yang menyebabkan kelambatan penyelesaian kes-kes pesaka. Untuk menyebut beberapa faktor, di antara lainnya ialah:

- (1) kurangnya kerjasama yang diberi oleh waris-waris pihak yang berkenaan di dalam soal menyelesaikan harta pesaka.
- (2) kelambatan waris-waris yang berhak membayar duti pesaka.
- (3) kurangnya saling mengerti atau sefahaman di kalangan waris-waris sendiri di dalam soal pembahagian harta pesaka.
- (4) Adakalanya waris-waris tidak dapat dijumpai.

Dan ada lagi lain-lain faktor yang menyebabkan kelambatan penyelesaian harta pesaka ini.

Di atas pandangan lain yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor, saya akan mengambil ingatan untuk diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran 1959 ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENILAI DAN PENTAKSIR

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.06 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai perlantikan seorang Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan mengenai pendaftaran penilai-penilai dan pentaksir-pentaksir dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ialah:

- (a) Untuk memberi kuasa legal kepada Bahagian Penilaian, Kementerian Kewangan membuat pemeriksaan harta tanah dan dokumen-dokumen yang berkaitan serta memerlukan mereka yang mempunyai butir-butir yang berkaitan dengan menghantarkannya kepada Bahagian itu; dan
- (b) Untuk menubuhkan sebuah Lembaga Pendaftaran Penilai dan Pentaksir supaya profesion itu dapat didaftarkan dan aktiviti-aktiviti mereka dapat dikawal supaya kepentingan orang awam dapat dilindungi.

Bahagian Penilaian telah ditubuhkan pada 1hb September, 1957 sebagai satu Bahagian dalam Kementerian Kewangan. Objektifnya ialah untuk membantu dan menasihati Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan tentang nilai harta tanah. Untuk menjalankan kerja-kerjanya, Bahagian itu mesti mengutip maklumat-maklumat tentang harta tanah termasuk jual-beli tanah, sewaan, pajakan dan lain-lain lagi. Akan tetapi sehingga ini Bahagian itu tidak mempunyai sebarang kuasa legal untuk berbuat demikian. Kuasa-kuasa yang sepatutnya dipunyai olehnya telah diberi secara delegasi oleh pihak berkuasa lain yang mempunyai kuasa itu di bawah undang-undang seperti Ordinan Duti

Setem 1949, Enakmen Harta Pesaka 1941, Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 dan lain-lain. Apabila diteliti didapati bahawa cara delegasi yang telah dibuat di bawah undang-undang berkenaan tidak memuaskan oleh kerana delegasi itu telah dibuat oleh pihak berkuasa terus kepada Ketua Pengarah Penilaian dan kemudian daripada Ketua Pengarah itu kepada pegawai-pegawai lain di bawahnya. Sebenarnya delegasi itu mestilah dibuat terus oleh pihak berkuasa berkenaan kepada tiap-tiap pegawai yang benar-benar menjalankan tugas yang dikehendaki itu. Di samping itu, oleh kerana Bahagian Penilaian tidak mempunyai sebarang kuasa legal sendiri di bawah mana-mana undang-undang, pegawai itu telah mengalami beberapa masalah berkaitan dengan kutipan maklumat-maklumat yang penting untuk menjalankan kerja-kerja penilaian bagi beberapa maksud yang dikehendaki oleh Kerajaan Pusat. Untuk mengatasi masalah-masalah tersebut di atas, kuasa legal akan diberi kepada Bahagian Penilaian, Kementerian Kewangan oleh Bahagian II Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir, 1980.

Pada masa sekarang Penilai-penilai adalah didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Jurukur, 1967. Akan tetapi Akta tersebut juga melibatkan Jurukur Bahan dan oleh itu adalah di bawah jagaan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Penilai-penilai sebenarnya membuat kerjanya tentang harga pasaran tanah dan bangunan dan oleh itu mengalami kesulitan yang berbeza daripada apa yang dihadapi oleh Jurukur Bahan. Kerja-kerja penilaian juga tidak ada kaitan dengan portfolio Menteri tersebut. Di samping itu, seorang penilai juga mendaftarkan diri dengan Kerajaan Negeri sebagai seorang Pentaksir di bawah Ordinan-ordinan Pentaksir Berlesen. Mereka yang berbuat demikian tidak semestinya mempunyai kelayakan profesional dan kebanyakan mereka tidak tahu tentang cara-cara membuat penilaian dan juga aktiviti-aktiviti mereka itu tidak dikawal dengan rapi seperti aktiviti-aktiviti Penilai-penilai yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Jurukur 1967. Kedudukan seperti tersebut di atas tidaklah memuaskan dan tidak menjaga kepentingan orang awam.

Keadaan seperti tersebut di atas tidaklah memuaskan dan tidak semestinya diteruskan. Oleh itu Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir ini dibentangkan untuk kelulusan supaya semua masalah-masalah tersebut di atas dapat diatasi dengan pengujudan satu Lembaga Penilai dan Pentaksir seperti terkandung di dalam Bahagian III Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang meminta izin untuk membincangkan Rang Undang-undang tersebut Fasal demi Fasal.

Fasal-fasal 3 hingga 8 membuat peruntukan mengenai perlantikan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan beberapa orang pegawai lain yang mana perlantikan itu adalah perlu bagi fungsi-fungsi dan kewajipan-kewajipan Ketua Pengarah dan kuasanya untuk memasuki tanah, bangunan dan melihat dokumen termasuk haknya menghendaki dikemukakan kepadanya maklumat berkaitan yang perlu untuk kerjanya.

Fasal-fasal 9 hingga 16 membuat peruntukan mengenai penubuhan suatu Lembaga Penilai dan Pentaksir berserta dengan fungsi-fungsinya dan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya.

Fasal-fasal 17 hingga 22 menyentuh tentang pendaftaran penilai-penilai dan pentaksir-pentaksir yang pada masa ini dikawali oleh Akta Pendaftaran Jurukur 1967 dengan mengandungi peruntukan untuk menerima masuk pentaksir-pentaksir *bona fide* untuk pendaftaran tertakluk kepada sekatan-sekatan mengenai kerja yang mereka mungkin jalankan di segi nilai modal dan nilai sewaan dan kawasan amalan. Akta Pendaftaran Jurukur 1967 mengawali aktiviti-aktiviti Jurukur-jurukur Bahan dan Jurukur-jurukur Amalan Am; dua profesion yang tidak mempunyai banyak persamaan. Rang Undang-undang ini bertujuan memisahkan kedua-dua profesion ini supaya aktiviti-aktiviti tiap-tiap satu profesion itu akan dikawali oleh undang-undang yang bersaing dan juga menyebabkan semua pentaksir yang pada masa ini dilesen di bawah berbagai undang-undang bertulis berada di bawah kawalan satu undang-undang bertulis.

Lain-lain peruntukan Rang Undang-undang ini adalah berkaitan dengan perkara-perkara tambahan dan pelbagai, termasuk tindakan tatatertib, acara untuk merayu,

kesalahan-kesalahan, penalti-penalti dan pemindahan atau pemansuhan undang-undang bertulis yang terlibat.

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai perlantikan seorang Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan mengenai Pendaftaran Penilai-penilai dan pentaksir-pentaksir dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Parit.

6.16 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir 1980 yang sedang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada petang ini. Terutama sekali saya ingin melafazkan sokongan saya kepada Rang Undang-undang ini yang saya fikir patutlah diadakan seberapa awal daripada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Rang Undang-undang ini adalah sangat berguna dan berfaedah kepada penilai-penilai dan pentaksir-pentaksir malah pengguna-pengguna atau orang ramai. Ia bukan sahaja bertujuan untuk memastikan bahawa kerja penilaian dan pentaksiran dijalankan dengan teratur dan kemas bahkan juga melindungi orang ramai daripada penilai dan pentaksir yang tidak berkelayakan dan tidak berpengalaman dan juga kerja mutunya yang terendah sekali. Dengan Rang Undang-undang ini orang ramai dapatlah melihat satu daftar yang mengandungi penilai dan pentaksir yang berkelayakan dan berpengalaman dengan kerja mutunya yang tinggi dan memuaskan. Daripada daftar ini maka mereka dapat memilih penilai dan pentaksir yang sahih untuk menjalankan kerjanya dengan memuaskan dan berkeyakinan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah meliputi beberapa aspek mengenai profesion penilai dan pentaksir seperti cara-cara pengawalan profesion ini, penubuhan Lembaga Pendaftaran Penilai dan Pentaksir, Lembaga Rayuan bagi menguruskan perkara-perkara rayuan kuasa-kuasa Lembaga Penilai tersebut dan sebagainya. Perkara-perkara yang disentuh adalah luas dan berbagai jenis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua perkara mengenai Rang Undang-undang ini iaitu penubuhan Lembaga Penilai dan Pentaksir dan kedua kuasa-kuasa Lembaga itu memasuki tanah-tanah tuanpunya untuk tujuan siasatan. Tuan Yang di-Pertua, sedangkan saya menyokong Rang Undang-undang ini saya juga ingin menasihatkan Kerajaan bahawa semasa menubuhkan Lembaga itu perhatian hendaklah diberi supaya ahli-ahli Lembaga itu dipilih daripada penilai-penilai dan pentaksir-pentaksir yang cukup berpengalaman dan berdedikasi untuk menjalankan tugas Lembaga itu. Di samping itu ahli-ahli Lembaga itu hendaklah juga ditarik daripada pihak swasta dan juga pihak-pihak yang ada kaitan dengannya.

Saya juga ingin menarik perhatian supaya dalam memilih ahli-ahli Lembaga itu penilai-penilai dari Sabah dan Sarawak juga dipilih untuk menjalankan tugas Lembaga itu.

Berpaling kepada perkara mengenai kuasa-kuasa Lembaga untuk memasuki harta, tanah-tanah tuanpunya dan sebagainya dalam menjalankan tugasnya, di sini saya ingin mengawasi Kerajaan supaya pemberitahu yang cukup diberi kepada tuanpunya tanah-tanah sebelum memasuki harta mereka bagi tujuan penilaian. Kerja penilaian Lembaga ini hendaklah dijalankan dengan aman dan damai dan tidak haruslah menimbulkan perasaan dan salah faham di antara ahli-ahli Lembaga dan orang ramai. Ini adalah amat penting dan hendaklah berjaga-jaga supaya keyakinan orang ramai terhadap Lembaga ini terpelihara dan dipupuk dengan cara ber-sopan santun dan muhibbah.

Sekian sahaja ulasan saya dan sekali lagi saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kinta.

6.22 ptg.

Tuan Yang Choong Fu (Kinta): Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bukan seorang penilai atau pentaksir, saya juga ingin mengambil bahagian berbahas atas Rang Undang-undang ini yang dibentangkan dalam Dewan pada petang ini.

Pertama sekali saya ingin menyokong penuh atas Rang Undang-undang ini yang tujuannya adalah suci dan agak berfaedah kepada rakyat jelata. Pada pendapat saya tidak seorang pun menjadi mangsa di bawah Rang Undang-undang ini bahkan mereka akan didaftar dan dibenarkan terus menjalankan perniagaannya mengikut peraturan-peraturan yang baru. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini mereka akan menjadi satu golongan pekerja yang akan dihormati dan bertanggungjawab penuh atas sesuatu kerja yang diamanahkan kepadanya. Pendek kata langkah ini adalah baik dan sihat dan hendaklah disokong oleh kita semua. Dari segi pengguna atau orang ramai, mereka dapatlah memilih penilai-penilai melalui satu daftar yang sah dengan senang sahaja dan berkeyakinan atas kerja-kerja yang dilakukannya.

Di samping menyokong Rang Undang-undang ini saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada pembayaran yang dikenakan oleh Lembaga Penilai dan Pentaksir bagi kerja-kerja yang dilakukannya bagi orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah pembayaran yang saya maksudkan tadi hendaklah munasabah dan tidak sangat mahal supaya ianya tidak menjadi satu beban kepada rakyat dan tambahan pula dapat juga mengurangkan inflasi yang semakin bertambah dari semasa ke semasa. Pada hemat saya Lembaga itu dalam menjalankan tugasnya hendaklah wajib berjiwa dan bersemangat untuk menolong rakyat jelata dan bukannya untuk mencari kekayaan dan kemewahan sahaja. Saya fikir ini cuma dapat dilaksanakan dengan memilih ahli-ahli Lembaga dengan wajib dan bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin menyentuh ialah pemeriksaan yang akan dilakukan oleh Lembaga Penilai dan Pentaksir yang termaktub dalam Rang Undang-undang ini. Tujuan saya ialah untuk melindungi pengguna atau orang ramai supaya mereka diberi perkhidmatan yang mutunya tinggi dan cukup memuaskan. Ini cuma dapat dicapai melalui pemeriksaan

yang tersebut di atas dengan mutu dan standard yang tinggi sehingga seimbang dengan standard universiti dan sebagainya. Saya berharap pihak Kementerian Kewangan selalu berwaspada kepada mutu pemeriksaan Lembaga ini supaya pihak penilai dapat memberi perkhidmatan yang tidak terkeciwa, bahkan terpuji dan cukup memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir saya akan sentuh ialah perhubungan baik di antara pihak Lembaga dan orang ramai. Perkara ini nampaknya tidak susah melainkan apa yang penting ialah Lembaga ini hendaklah sentiasa memelihara perasaan muhibbah, berjiwa dan bersemangat menolong rakyat di seluruh peringkat di merata-rata negara kita ini. Cuma dengan perhubungan di antara Lembaga dan rakyat jelata yang sempurna dan rapat barulah dapat Lembaga ini menjalankan tugas-tugasnya dengan kepujian. Saya berharap pihak penilai dapat berusaha sentiasa memelihara perhubungan baik dan rapi untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dalam semangat "Berkhidmat Untuk Negara".

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini dan sekali lagi saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.28 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang untuk bercakap pendek sahaja atas Rang Undang-undang ini.

Yang pertama, satu perkara yang saya suka membangkitkan ialah berkenaan dengan satu peruntukan dalam Rang Undang-undang ini berkenaan dengan Daftar Penilai dan Pentaksir dan Pendaftaran. Saya berpendapat bahawa dalam perkara pendaftaran para-penilai, suka saya mengesyorkan bahawa keutamaan (priority) hendaklah diberi kepada para penilai tempatan di negara kita. Saya berharap bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini pihak yang berkenaan dapat mengambil sesuatu tindakan untuk menggalakkan para penilai tempatan di daftarkan dan selepas itu diberi kuasa untuk menjalankan amalnya.

Di samping ini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak yang berkuasa bercadang untuk menyekat penilai asing ataupun penilai yang bukan warganegara Malaysia untuk didaftarkan dan dapat memberi kuasa untuk menjalankan amalan ini. Saya buat pertanyaan ini memandangkan bahawa terdapat sedikit kebimbangan di pihak penilai tempatan bahawa penilai-penilai yang bukan warganegara Malaysia akan memberi persaingan yang hebat kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 11hb Disember, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.